



قليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسن ايمان

DARIPADA Abi al-Abbas Sahl bin Sa'd al-Sa'idi Radiallahuanha berkata, bahawa seseorang datang kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam seraya berkata: "Wahai Rasulullah, tunjukkanlah kepada saya suatu pekerjaan yang jika dikerjakan nescaya saya dicintai Allah dan dicintai manusia." Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Zuhudlah engkau akan dunia, nescaya Allah mencintaimu, dan zuhudlah engkau akan apa yang ada pada manusia, nescaya mereka mencintaimu."

(Hadis Riwayat Ibn Majah)

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.36 | SUBUH 4.46 | SYURUK 6.05 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.05 | ASAR 3.25 | MAGHRIB 6.03 | ISYAK 7.14

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 129

27 OKTOBER 2025 / 1447 جمادي الأول 5

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

ASEAN PERLU BERDIRI TEGUH MENENTANG KETEGANGAN GEOPOLITIK, PERPECAHAN PERDAGANGAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47, berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman (Lihat muka 3 hingga 4)



Penambahbaikan ATIGA, ACFTA 3.0 perkuat perdagangan ASEAN

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Ahad, 26 Oktober. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, baru-baru ini menghadiri Mesyuarat Ke-26 Majlis Komuniti Ekonomi ASEAN (AECC Ke-26) yang diadakan di Kuala Lumpur,

Malaysia.

AECC Ke-26 dipengerusikan oleh Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia, Yang Berhormat Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz, dan turut dihadiri oleh para Menteri AECC dari 10 Negara Anggota ASEAN serta Timor-Leste.

Dalam Mesyuarat AECC Ke-26, para menteri mengambil maklum mengenai kemajuan kerja di bawah tonggak Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), termasuk perbincangan mengenai prospek ekonomi ASEAN, kemas kini mengenai Keutamaan Ekonomi Malaysia, inisiatif kelestarian ASEAN, serta agenda transformasi digital ASEAN.

>> Muka 6

Komited mendukung rangka kerja pencegahan jenayah siber rentas sempadan

■ Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri

HANOI, REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM, Ahad, 26 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) bersama-sama Negara-negara Ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang lain turut menandatangani 'United Nations Convention against Cybercrime (Ha Noi

Convention)' di National Convention Center, Ha Noi, Republik Sosialis Viet Nam, baru-baru ini.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin

Haji Mohd. Yussof, juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara.

Penandatanganan konvensyen tersebut menandakan komitmen NBD dalam memajukan rangka kerja perundangan antarabangsa berkaitan dengan pencegahan jenayah siber yang bersifat rentas sempadan.

>> Muka 8



Berita Utama



MEMBINA ekosistem digital selamat,
dipercayai

Muka 7



MUALAF diseru bergiat aktif
dalam persatuan, perkukuh
kefahaman Islam

Muka 10



PENERAPAN nilai Islam bantu
tangani tekanan emosi,
kesejahteraan mental

Muka 12



RKN12 melakar landskap
pembangunan negara

Muka 20

KUKUHKAN KERJASAMA EKONOMI, TINGKATKAN DAYA TAHAN RANTAIAN BEKALAN



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman


KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Ahad, 26 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-India Ke-22 dan Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul

Mateen.

Semasa menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-India, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengumukan titah yang menekankan bahawa sejarah panjang dan hubungan kekal antara Asia Tenggara dan India telah meletakkan asas yang kukuh untuk Perkongsian Strategik Komprehensif ASEAN India.

Kebawah DYMM seterusnya menekankan mengenai kepentingan untuk bekerjasama rapat bagi mengukuhkan kerjasama ekonomi, meningkatkan daya tahan rantai bekalan, dan memastikan kemakmuran bersama rantau ini, terutamanya dalam keadaan ketidakpastian geopolitik dan perdagangan yang semakin meningkat.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-India Ke-22 dan Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 di Kuala Lumpur Convention Centre.

Ini tegas baginda akan mengukuhkan lagi Perkongsian Dialog ASEAN-India dan oleh itu, para pegawai digalakkan untuk meningkatkan dialog, berkongsi

pengetahuan dan membina kapasiti untuk mengenal pasti dan bertindak atas bidang-bidang yang mempunyai persamaan dengan lebih berkesan.

Pada sebelah malam, Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 juga telah diadakan dan dihadiri oleh para Pemimpin ASEAN dan Setiausaha Agung ASEAN.

Mengukuhkan kerjasama dalam tindakan iklim

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Ahad, 26 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam hari ini berkenan menerima Kunjungan Hormat daripada Presiden Institut Penyelidikan Ekonomi untuk ASEAN dan Asia Timur (ERIA), Mr. Tetsuya Watanabe dan seterusnya menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Presiden Majlis Eropah, Tuan Yang Terutama

Antonio Costa, bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa Kunjungan Hormat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) sedang giat berusaha untuk mengoperasikan Pusat Perubahan Iklim ASEAN di Brunei, yang akan berfungsi sebagai hab

pengetahuan serantau untuk mengukuhkan kerjasama dalam tindakan iklim. Sehubungan itu, NBD menghargai kerjasama ERIA dalam pengurangan bersama Bengkel Serantau mengenai Perubahan Iklim di NBD pada tahun ini.

>> Muka 3



WAKTU SEMBAHYANG

OKTOBER	HARI	JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
27	ISNIN	5	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14
28	SELASA	6	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14
29	RABU	7	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.13
30	KHAMIS	8	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.13
31	JUMAAT	9	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.02	7.13
1	SABTU	10	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.02	7.13
2	AHAD	11	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.25	6.02	7.13

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



ISNIN		SELASA		RABU	
Bandar Seri Begawan	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
Pekan Bangar	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
Pekan Tutong	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
Kuala Belait	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 27 OKTOBER 2025

Didikan agama asas pembentukan akhlak mulia

TANGGUNGJAWAB ibu bapa dalam membentuk anak bukan sekadar memenuhi keperluan fizikal, tetapi ia meliputi semua hal iaitu membentuk jiwa, akhlak, dan iman mereka. Dalam Islam, tanggungjawab ibu bapa bukan sekadar menyediakan keperluan zahir, tetapi juga memastikan anak dibesarkan dengan didikan rohani, moral, dan nilai keagamaan yang kukuh. Pembentukan anak yang soleh dan solehah bermula daripada peranan dan tanggungjawab ibu bapa itu sendiri.

Tanggungjawab yang sangat mustahak ini mestilah dipikul bersama agar anak dapat dibentuk dengan akhlak yang baik dan mulia sejak kecil lagi.

Ibu bapa bertanggungjawab memberi didikan agama kepada anak sejak kecil iaitu dengan membimbing anak mengenal Allah, mengajar sembahyang, membaca Al-Quran, serta memahami batas halal dan haram. Didikan agama menjadi asas pembentukan akhlak dan keperibadian mulia dalam diri anak.

Selain itu, ibu bapa juga wajib memberikan teladan yang baik kepada anak-anak kerana anak-anak cenderung meniru perbuatan dan sikap ibu bapa dalam kehidupan seharian. Oleh itu, ibu bapa mestilah menunjukkan contoh yang baik seperti berakhlak mulia, jujur, amanah, sabar, serta menunaikan ibadah dengan tekun. Apabila ibu bapa menunjukkan akhlak yang terpuji, anak-anak akan terdorong untuk mencontohi mereka.

Tanggungjawab ibu bapa turut meliputi aspek pendidikan dan keperluan hidup. Ibu bapa hendaklah menyediakan pendidikan yang seimbang antara dunia dan akhirat. Anak perlu digalakkan untuk menuntut ilmu, membaca, dan berfikir secara kritikal agar dapat menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa, dan negara.

Meskipun kita berada dalam era yang serba moden, ibu bapa perlu mengawal pergaulan dan penggunaan teknologi anak-anak. Cabaran media sosial dan hiburan sangat besar. Oleh itu, pemantauan ibu bapa amat penting agar anak tidak terpengaruh dengan budaya negatif yang boleh merosakkan akhlak mereka. Didiklah anak agar menggunakan teknologi secara bijak dan beretika.

Oleh itu, peranan ibu bapa dalam membentuk anak yang soleh amat besar dan tidak boleh dipandang ringan. Ibu bapa bukan sahaja pencorak masa depan anak-anak, tetapi juga pembentuk generasi yang akan memimpin pada masa hadapan. Jadi, setiap ibu bapa perlulah melaksanakan amanah ini dengan penuh kesedaran, kesabaran, dan keikhlasan agar lahirnya anak yang bukan sahaja berjaya di dunia, tetapi juga di akhirat kelak. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



>> Muka 2

Baginda seterusnya berkongsi bahawa NBD sedang membangunkan penilaian nasional untuk lebih memahami ancaman perubahan iklim terhadap ekonomi, keselamatan makanan dan air, serta biodiversiti.

Usaha NBD juga titah Kebawah DYMM, tertumpu kepada peralihan kepada ekonomi yang berdaya tahan iklim dan rendah karbon, dengan mengembangkan tenaga boleh diperbaharui dan teknologi bersih untuk pembangunan perindustrian.

Titah baginda lagi, dalam hal ini, sokongan ERIA melalui kerjasama penyelidikan dan pertukaran pakar adalah dialu-alukan.

NBD dan ERIA jelas baginda mempunyai kerjasama yang rapat dan aktif, yang menumpukan kepada beberapa bidang utama, terutamanya tenaga, pembangunan mampan, dan inovasi digital. ERIA menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan menyediakan cadangan dasar bagi menyokong ASEAN dan Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS), sementara NBD, sebagai ahli ASEAN, memanfaatkan kepakaran ERIA untuk membangunkan strategi ekonomi negara.

Kebawah DYMM kemudian berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala yang diadakan di Kuala Lumpur



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Kunjungan Hormat daripada Presiden Institut Penyelidikan Ekonomi untuk ASEAN dan Asia Timur (ERIA), Mr. Tetsuya Watanabe.

Convention Centre.

Pada majlis tersebut, Kebawah DYMM dan Tuan Yang Terutama Presiden Majelis Eropah membincangkan tentang hubungan kukuh antara NBD dan Kesatuan Eropah (EU), serta potensi kerjasama yang lebih mendalam dalam pendigitalan, logistik maritim, pendidikan dan pembangunan

mampan.

Baginda menzahirkan penghargaan atas sokongan padu EU terhadap ASEAN Centrality dan usaha-usaha pembinaan komuniti. Sebagai Penyelaras Negara bagi Hubungan Dialog ASEAN-EU, NBD terus komited untuk memperkukuh Perkongsian Strategik melalui Pelan Tindakan ASEAN-EU (2023-2027) dan untuk menjadi tuan rumah Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN-EU di NBD pada tahun 2026.

Sebagai tuan rumah Pusat Perubahan Iklim ASEAN, Kebawah DYMM dalam titah menyatakan bahawa NBD berminat untuk menggalakkan kerjasama yang lebih besar dalam penyelidikan, perkongsian data dan pembinaan kapasiti untuk mengukuhkan

tindakan serantau mengenai perubahan iklim.

Dalam hal ini, NBD berharap untuk bekerjasama rapat dengan EU dalam memajukan tenaga boleh diperbaharui, inovasi hijau dan daya tahan iklim.

Kebawah DYMM juga mengalu-alukan Tuan Yang Terutama untuk melawat NBD pada tarikh yang sesuai. NBD dan EU mempunyai hubungan diplomatik yang telah lama terjalin, dan pada masa ini NBD merupakan Penyelaras Negara bagi Perkongsian Strategik ASEAN-EU. Berlatarkan kerjasama dalam perdagangan, pembangunan mampan dan isu global, hubungan tersebut juga merangkumi dialog budaya, pendidikan dan keselamatan.

Pastikan Perkongsian Ekonomi Komprehensif ASEAN - Jepun kekal relevan, responsif



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun Ke-28.

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Ahad, 26 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun Ke-28 yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka

anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada Sidang Kemuncak tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengumukan titah yang menekankan bahawa dengan kerjasama yang telah berjalan selama lebih lima dekad, hubungan ASEAN-Jepun telah menjadi semakin dinamik dan berpandangan ke hadapan.

Baginda merakamkan penghargaan kepada Jepun atas sokongan mereka kepada ASEAN dan menyeru untuk bekerjasama dalam transformasi digital sebagai tindak balas kepada cabaran global masa kini dan pendigitalan pesat.

Dalam hal ini, titah Kebawah DYMM lagi, Perkongsian Ekonomi Komprehensif ASEAN - Jepun perlu dikaji semula untuk memastikan ia kekal relevan dan responsif kepada landskap ekonomi yang sentiasa berubah.

Baginda juga mengalu-alukan sokongan berterusan Jepun terhadap usaha-usaha daya tahan iklim ASEAN, seperti melalui penyediaan pelan tindakan mengenai perubahan iklim.

Pada masa yang sama, titah Kebawah DYMM lagi, sokongan ERIA terhadap peralihan tenaga ASEAN, dan sumbangannya kepada kerja Pusat Perubahan Iklim ASEAN adalah dihargai.

Perkukuhkan daya tahan siber, transformasi digital diperlukan

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Ahad, 26 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat ke Kuala Lumpur Convention Centre bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Amerika Syarikat (AS) Ke-13.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada Sidang Kemuncak ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengumukan titah yang

menghargai hubungan yang penting dan telah terjalin selama enam dekad dengan AS, dalam mempromosikan keamanan, kestabilan dan kemakmuran di dalam dan luar rantau ini, termasuk di Gaza serta antara Kemboja dan Thailand.

Keamanan sentiasa menjadi asas pertumbuhan dan pembangunan ASEAN, yang mengubah rantau ini menjadi satu kerjasama dan kemajuan selama hampir enam dekad.

Dalam hal ini, Perkongsian Dialog ASEAN - AS merupakan platform penting untuk terus memelihara keamanan dan kestabilan.

Memandangkan ASEAN dan AS terus menghadapi ancaman yang semakin meningkat daripada

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Amerika Syarikat Ke-13.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Ihsan Bernama

jenayah siber dan penipuan dalam talian, memperkukuh kerjasama dalam bidang baharu dan baru

muncul, termasuk transformasi digital amat diperlukan.

Baginda menekankan bahawa

kedua-dua pihak boleh bekerjasama untuk mengukuhkan daya tahan siber dan melindungi infrastruktur dan rangkaian digital supaya rantau ini kekal selamat dan terjamin dalam era digital.



ASEAN perlu berdiri teguh menentang ketegangan geopolitik, perpecahan perdagangan

■ Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Ahad, 26 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan berangkat menghadiri Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47, berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 telah menyaksikan Majlis Penyerahan Protokol Kedua untuk Meminda Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN.

Pada Sidang Plenari ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah menzahirkan ucapan tahniah kepada Republik Demokratik Timor-Leste atas penyertaan

mereka sebagai Anggota ASEAN ke-11, yang akan mengukuhkan usaha-usaha serantau ke arah merealisasikan Wawasan Komuniti ASEAN 2045.

Pada masa yang sama, baginda bertitah bahawa ASEAN mesti terus berdiri teguh menentang ketegangan geopolitik dan perpecahan perdagangan, yang secara langsung menjejaskan perdagangan, pelaburan serta mata pencarian penduduk ASEAN.

Perdagangan intra-ASEAN mesti dipertingkatkan untuk memastikan Negara Anggota ASEAN boleh berdagang dengan lebih meluas antara satu sama lain, memperdalam kerjasama ekonomi

dan seterusnya merapatkan lagi rantau ini dalam kemakmuran bersama.

Pada mengakhiri titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim atas kejayaan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN, dan memberikan sokongan penuh Negara Brunei Darussalam kepada Presiden Ferdinand Marcos Junior dan Republik Filipina untuk menjadi Pengerusi ASEAN tahun depan.

Perbincangan dalam Sidang Kemuncak ini tertumpu kepada perdagangan dan pelaburan, tenaga, ketersambungan, multilateralisme, dan komitmen



untuk bekerjasama dengan rakan kongsi yang boleh dipercayai dalam mempromosikan keamanan, pertumbuhan dan kestabilan serantau.

Dalam Sidang Kemuncak ini, sebanyak tiga dokumen telah ditandatangani dan 16 dokumen telah diluluskan dan diambil maklum oleh para Pemimpin ASEAN, termasuk Chairman's Statement of the 47th ASEAN Summit.

MEMPERDALAMKAN HUBUNGAN PERDAGANGAN UNTUK KEPENTINGAN BERSAMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Sonexay Siphandone, di Grand Hyatt Kuala Lumpur.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa Majlis Perjumpaan Dua Hala tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan

■ Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Yang Terutama membincangkan perkongsian strategik yang dinikmati oleh kedua-dua negara dalam bidang pendidikan, pertahanan dan hubungan antara rakyat.

Ini termasuk, antara lain, biasiswa Kerajaan Brunei untuk penuntut Republik Demokratik Rakyat Lao yang telah diumumkan pada tahun 2023, dan penyertaan berterusan Republik Demokratik Rakyat Lao dalam Kursus Bahasa Inggeris yang dikendalikan oleh pegawai pertahanan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Di samping itu, baginda mengalu-alukan hasrat Republik Demokratik Rakyat Lao untuk memperdalam hubungan perdagangan, termasuk dalam pengimportan beras antara sektor swasta, serta kerjasama pertanian. Kebawah Duli Yang Maha Mulia

seterusnya menzahirkan rasa gembira untuk menerima kunjungan hormat Menteri Luar Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Thongsavanh Phomvihane di NBD baru-baru ini, dan menyampaikan jemputan kepada Tuan Yang Terutama Perdana Menteri untuk melawat Brunei pada tarikh yang sesuai.

Kedua-dua pemimpin juga bertukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

NBD dan Republik Demokratik Rakyat Lao menikmati hubungan yang kukuh dan mesra, yang telah ditingkatkan kepada perkongsian strategik pada tahun 2023.

Kedua-dua negara bekerjasama secara meluas dalam pelbagai bidang, termasuk hal ehwal ekonomi, pembangunan sumber manusia, dan pertahanan.

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Ahad, 26 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Sonexay Siphandone, yang berlangsung di Grand Hyatt Kuala Lumpur.

Berangkat ke Majlis Pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47



KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Ahad, 26 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat ke Kuala Lumpur Convention Centre bagi menghadiri Majlis Pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 dan Sidang-sidang Kemuncak

Berkaitan.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dialu-alukan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, selaku Pengerusi ASEAN pada tahun 2025.

Majlis Pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 dan Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang dihadiri oleh para Pemimpin ASEAN dan Republik Demokratik Timor-Leste, Setiausaha Agung ASEAN, dan tetamu-tetamu pengerusi telah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menghadiri Majlis Pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 dan Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan (atas dan kiri).

dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Dalam majlis pembukaan ini, para pemimpin telah menandatangani deklarasi mengenai Keahlian Republik Demokratik Timor-Leste dalam ASEAN. Keahlian baharu ini akan meluaskan jangkaan serantau dan integrasi ekonomi ASEAN,

serta mengukuhkan komitmennya terhadap keterangkuman.

Majlis juga termasuk penyampaian anugerah ASEAN Prize kepada pihak yang telah menyumbang secara signifikan ke arah memupuk persepadaan serantau dan memperkukuhkan komuniti ASEAN. Penerima anugerah tahun ini ialah Union of Youth Federation dari Kemboja.

BERANGKAT KE MAJLIS BERSAMA RAKYAT, PENDUDUK NBD DI MALAYSIA

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Pg. Mohd. Aminol
Adi Azraie Pg. Haji Nikman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Bersama Penuntut-penuntut serta Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berada di Malaysia. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri).



yang penyayang dan berjiwa rakyat, sekali gus merupakan detik istimewa yang ditunggu-tunggu oleh para pelajar, rakyat dan penduduk di luar negara yang menjunjung tinggi kepimpinan baginda.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah di majlis berkenaan.

Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; Pemangku Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Malaysia, Awang Mohd. Aizul Hakim bin Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi;

dan Yang Di-Pertua Persatuan Pelajar Brunei di Malaysia, Dayang Amal Afiah binti Awang Haji Rusali.

>> Muka 6

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Sabtu, 25 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat menghadiri Majlis Bersama Penuntut-penuntut serta Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berada di Malaysia, berlangsung di Hyatt Regency, Kuala Lumpur.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menunjukkan

keprihatinan dan pemeduliaan baginda terhadap kebajikan rakyat dan penduduk melalui interaksi yang kerap dalam upacara seperti ini.

Keberangkatan ini juga memperlihatkan keperibadian baginda sebagai seorang raja



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan dijunjung bergambar ramai (atas). Manakala gambar kiri, Yang Di-Pertua Persatuan Pelajar Brunei di Malaysia dalam sembah alu-aluannya. Sementara gambar bawah kiri, bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dibacakan oleh Awang Muhammad Firdaus bin Muhammad Salleh dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia manakala inti sari disampaikan oleh Awang Muhammad Fawwaz bin Daud dari KPJ Healthcare University, manakala gambar bawah kanan, persembahan daripada para penuntut NBD di Malaysia.





KEBAWAH DYMM berkenan bergambar ramai bersama sebahagian besar daripada rakyat dan penduduk NBD yang hadir pada majlis berkenaan yang diadakan di Hyatt Regency, Kuala Lumpur.

>> Muka 5

Pada majlis tersebut, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah mengetengahkan kebaikan yang diperolehi oleh para pelajar melalui peluang-peluang pendedahan sambil melanjutkan pengajian di luar negara. Semasa berdiskusi, adalah penting untuk menjaga keselamatan dan mengelakkan kejadian buruk.

Mengenai kejayaan, baginda bertitah bahawa kejayaan sebenar seseorang pelajar terletak pada kebolehan mereka

untuk mengembangkan potensi diri, meliputi segi-segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Dalam hal ini, baginda menzahirkan rasa gembira kerana para pelajar terus mengambil peluang untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang menambahkan kemahiran yang diperlukan oleh negara.

Baginda seterusnya bertitah bahawa, walaupun penggunaan Kecerdasan Buatan atau AI telah memberikan impak besar terhadap cara pengurusan dalam

ekosistem pendidikan, ia harus digunakan dengan berhemah dan berintegriti, dan bukan sebagai pengganti kepada usaha dan kebijaksanaan.

Selain perubahan dalam ekosistem pendidikan, baginda juga menzahirkan kebimbangan terhadap pengaruh negatif yang semakin meluas seperti gejala penyalahgunaan dadah, rokok elektronik atau vape, yang memberi kesan negatif dari segi kesihatan, prestasi akademik dan reputasi pelajar. Gejala buli juga

perlu dicegah kerana ia memberi kesan kepada mangsa dan pembuli sendiri.

Pada majlis ini, Kebawah DYMM berkenan menerima pesambah yang disampaikan oleh Yang Di-Pertua Persatuan Pelajar Brunei di Malaysia dan Naib Yang Di-Pertua Persatuan Pelajar Brunei di Malaysia, Awang Shaikh Muhammad Rafi'uddin Hayat bin Shaikh Haji Osman, serta Dayang Elyana Erniza binti Haji Lamit, selaku pereka pesambah.

Majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dibacakan oleh Awang Muhammad Firdaus bin Muhammad Salleh dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia manakala inti sari disampaikan oleh Awang Muhammad Fawwaz bin Daud dari KPJ Healthcare University.

Doa Selamat kemudiannya dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Yang Di-Pertua Persatuan Pelajar Brunei di Malaysia, dalam sembah alu-aluannya, menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM atas peluang, kemudahan, sokongan dan bantuan yang dihulurkan oleh kerajaan baginda kepada para penuntut yang mengikuti pengajian di Malaysia.

Majlis Bersama Rakyat kali ini diserikan dengan persembahan daripada para penuntut NBD di Malaysia, yang turut menjadi kenangan manis bagi 1,082 orang penuntut serta rakyat dan penduduk NBD yang hadir kerana berkesempatan menghadap Kehadapan Majlis Kebawah DYMM.



KEBAWAH DYMM berkenan beramah mesra bersama para penuntut serta rakyat dan penduduk NBD yang berkesempatan hadir di majlis berkenaan (atas dan kiri).

PENAMBAHBAIKAN ATIGA, ACFTA 3.0 PERKUKUH PERDAGANGAN ASEAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa menghadiri Mesyuarat Ke-26 Majlis Komuniti Ekonomi ASEAN (AECC Ke-26) yang diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

>> Muka 1

Selain itu, para Menteri AECC juga telah meluluskan dokumen hasil AEC untuk dikemukakan

kepada para pemimpin ASEAN semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 dan Sidang Kemuncak Berkaitan yang

dijadualkan pada 26 hingga 28 Oktober 2025.

Sebelum Mesyuarat AECC Ke-26, para menteri turut mengadakan sesi khas mengenai Perjanjian Rangka

Kerja Ekonomi Digital ASEAN (DEFA), di mana para menteri mengalu-alukan kesimpulan substantif rundingan DEFA yang dijangka akan ditandatangani pada tahun hadapan.

DEFA dibangunkan berasaskan Peta Jalan Bandar Seri Begawan bagi Transformasi Digital yang dilancarkan semasa Pengerusian ASEAN oleh Negara Brunei Darussalam pada tahun 2021. Antara lain, DEFA dijangka menjadi perkongsian ekonomi digital serantau pertama dengan objektif untuk memudahkan perdagangan rentas sempadan, memperkasa Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), menggalakkan inovasi kolaboratif, serta kerjasama dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI).

Dalam mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II antara lain memuji kemajuan berterusan AEC, khususnya rundingan

penambahbaikan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (ATIGA) dan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA 3.0).

Dalam suasana ketidaktentuan geoekonomi semasa, penambahbaikan ATIGA dan ACFTA 3.0 amat bertepatan pada masanya dan memainkan peranan penting dalam memperkukuh perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN, serta dalam menegakkan sistem perdagangan pelbagai hala berasaskan peraturan, dengan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) sebagai terasnya.

Mesyuarat AECC Ke-26 telah didahului oleh Mesyuarat Penyediaan Pegawai Ekonomi Kanan (Prep-SEOM) pada 23 Oktober 2025. Mesyuarat Prep-SEOM telah dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, bersama pegawai-pegawai dari Bahagian Kewangan dan Ekonomi.

TERUS BERDAKWAH SESUAI DENGAN PEREDARAN ZAMAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir menyertai Munajat Khas anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-204 sempena Jubli Delima Pusat Da'wah Islamiah (PDI), KHEU.

mampu berubah atau transformasi sesuai dengan peredaran zaman.

Dakwah hendaklah diteruskan walau apa pun cabarannya kerana selain dakwah itu, tugas kita selaku pengikut Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, ia juga sebenarnya ciri khusus atau keistimewaan kita, umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Oleh itu, berdakwah dan teruslah berdakwah dengan ilmu dan sesuai dengan kapasiti masing-masing.

Demikianlah antara inti pati Tazkirah bertajuk '4 Dekad 1 Amanah' yang disampaikan Penolong Ketua Bahagian Media (Multimedia Da'wah), PDI, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Muhammad Naqib bin Haji Awang, bagi menyerikan Munajat Khas anjuran KHEU Kali Ke-204 sempena Jubli

Delima PDI, KHEU.

Munajat Khas malam tadi disemarakkan oleh para pegawai dan kakitangan PDI yang bersiaran secara maya dari Dewan Persidangan, PDI.

Juga menyertai Munajat Khas kali ini ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut menyertai, para jemaah dari beberapa buah masjid, dan warga kerja KHEU serta individu dari kediaman masing-masing.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pengarah PDI, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Diikuti dengan bacaan Surah Fussilat beramai-ramai dipimpin oleh Penolong Ketua Bahagian Penyebaran Da'wah (Kaunseling), PDI, Awang Haji Badaruddin bin Haji Basar.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Penolong

Pengarah, PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman.

Selesai Tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat As-Syifa beramai-ramai oleh para pegawai dan kakitangan, PDI.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Bahagian Penyebaran Da'wah (Ceramah), PDI, Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut: <http://tiny.cc/munajatkheu>.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 26 Oktober. - Al-Quran dan Al-Hadis ada menyebutkan mengenai angka 40 di beberapa tempat di mana secara umumnya membawa maksud simbol kedewasaan, kematangan,

kekuatan, kesatuan dan perubahan ke arah yang lebih baik.

Dengan usia penubuhan Pusat Da'wah Islamiah (PDI) yang mencecah 40 tahun, kita berharap dan percaya bahawa dakwah telah pun matang, kukuh, kuat dan

Membina ekosistem digital selamat, dipercayai



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, juga selaku Menteri yang Dipertanggungjawabkan terhadap Keselamatan Siber, hadir di The 10th ASEAN Ministerial Conference on Cybersecurity yang telah diadakan di Republik Singapura.

dan industri, yang membentuk dunia digital yang kita hidup hari ini. Ia juga mengkaji bagaimana kita dapat bekerjasama secara kolektif untuk menguruskan realiti baharu ini, dengan menekankan keperluan untuk memupuk kerjasama berstruktur, prinsip, dan perkongsian berasaskan nilai yang menyokong matlamat pembangunan negara.

Negara-negara yang lebih kecil juga boleh memainkan peranan konstruktif sebagai pembina jambatan dan pemudah cara yang dipercayai dalam memupuk kerjasama digital inklusif di peringkat serantau dan global.

Di samping pertemuan SICW Ke-10 dan AMCC Ke-10, Yang Berhormat telah mengadakan pertemuan dua hala dengan Yang Berhormat Josephine Teo, di mana kedua-dua menteri membincangkan cara-cara untuk memperkukuh lagi kerjasama antara NBD dan Republik Singapura dalam bidang pembangunan dasar keselamatan siber, infrastruktur digital, dan teknologi baharu, terutamanya bagi menyokong agenda ekonomi digital kolektif ASEAN.

Turut sama hadir semasa mesyuarat tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim bersama pegawai kanan daripada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Cyber Security Brunei (CSB).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

REPUBLIK SINGAPURA, Sabtu, 25 Oktober. - The 10th ASEAN Ministerial Conference on Cybersecurity (AMCC) telah diadakan di Republik Singapura bersempena dengan 10th Singapore International Cyber Week (SICW) yang berlangsung dari 20 hingga 23 Oktober 2025, baru-baru ini.

Hadir pada mesyuarat tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha juga selaku Menteri yang Dipertanggungjawabkan terhadap Keselamatan Siber.

AMCC Ke-10 telah dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Digital dan Maklumat, Yang Berhormat Josephine Teo juga merangkap Menteri yang Dipertanggungjawabkan terhadap Keselamatan Siber bagi Republik Singapura.

Mesyuarat tersebut menghimpunkan Menteri-menteri ASEAN yang bertanggungjawab dalam hal ehwal keselamatan siber untuk membincangkan keutamaan strategik dan kerjasama serantau ke arah membina ekosistem digital yang selamat dan dipercayai.

Dalam kenyataannya, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menyatakan bahawa ASEAN, termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD), tidak terkecuali daripada ancaman jenayah siber yang mengambil kesempatan terhadap kelemahan sistem serta peningkatan aktiviti Advanced Persistent Threat Actors (APT) di rantau ini.

Menyedari sifat ancaman tersebut yang merentasi sempadan dan saling berkaitan, Yang Berhormat seterusnya menekankan kepentingan untuk memperkukuh kerjasama keselamatan siber serantau yang sedia ada, termasuk penyelarasan, kerjasama antara pasukan tindak balas kecemasan komputer (CERT-to-CERT), serta inisiatif pembangunan kapasiti.

Para Menteri ASEAN

secara bersama menekankan kepentingan meneruskan perkongsian serantau bagi menangani cabaran keselamatan siber yang semakin berkembang dan kompleks, termasuk serangan berasaskan Kecerdasan Buatan (AI-driven attacks) serta ancaman serangan siber berkuasa kuantum.

Para Menteri ASEAN juga mengalu-alukan penubuhan 'Mekanisme Global Tetap Pertubuhan Bangsa - bangsa Bersatu (PBB) mengenai perkembangan dalam bidang ICT dalam konteks keselamatan antarabangsa dan memajukan tingkah laku bertanggungjawab Negara dalam penggunaan ICT' yang telah dipersetujui pada Julai 2025 oleh Open-Ended Working Group (OEWG) PBB mengenai keselamatan siber.

Mekanisme baharu ini bertujuan untuk memantapkan rundingan serta melaksanakan langkah-langkah berkaitan ancaman ICT, norma keselamatan siber, pembangunan kapasiti dan penerapan undang - undang antarabangsa.

Diadakan dengan tema 'Shaping the Next Era of Global Cybersecurity', SICW Ke-10 telah dirasmikan oleh Menteri Penyelarasan bagi Keselamatan Negara dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, Yang Berhormat K Shanmugam.

Kini memasuki tahun Ke-10, SICW telah memantapkan kedudukannya sebagai platform terkemuka Asia bagi dialog keselamatan siber, menghimpunkan pembuat dasar, pemimpin industri dan pakar global untuk membincangkan trend yang muncul, menangani cabaran bersama, serta memupuk kerjasama ke arah masa depan digital yang selamat dan berdaya tahan.

Semasa Plenari Pembukaan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi telah menyertai sebagai panelis dalam Panel Peringkat Tinggi yang membincangkan 'Power Struggle in a Technopolar World : Big Tech and State Power'.

Panel tersebut meneliti faktor-faktor utama yang mendorong kepentingan kerajaan

KOMITED MENDUKUNG RANGKA KERJA PENCEGAHAN JENAYAH SIBER RENTAS SEMPADAN

>> Muka 1

Di samping itu, penyertaan NBD dalam konvensyen tersebut boleh membantu dalam mengukuhkan lagi rangka kerja undang-undang domestik mengenai jenayah siber, termasuk kajian lebih terperinci terhadap undang-undang dan juga mempertingkatkan kerjasama antarabangsa.

Persidangan peringkat tinggi dan penandatanganan 'United Nations Convention against Cybercrime (Ha Noi Convention)' telah dihadiri oleh perwakilan dari 110 buah negara anggota PBB.

Acara yang bersejarah ini telah dirasmikan oleh Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Luong Cuong.

Turut hadir adalah Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Tuan Yang Terutama António Guterres.

Pada sebelah petang, Ketua-ketua Delegasi Negara-negara PBB juga berpeluang untuk membuat kunjungan hormat bersama dengan Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat Parti Komunis Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama To Lam.

Delegasi NBD juga menyertai sidang plenari pada 25 hingga 26 Oktober yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II berpeluang untuk menyampaikan kenyataan semasa sidang plenari tersebut dalam mana beliau telah menegaskan komitmen berterusan NBD ke arah memerangi jenayah siber dan memastikan keselamatan siber global terjamin dengan masa hadapan digital yang selamat.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (atas dan bawah).

Yang Berhormat turut menyentuh mengenai kepentingan kerjasama serantau dan antarabangsa di antara negara-negara PBB dalam meningkatkan lagi keupayaan dalam menangani ancaman siber yang semakin berleluasa dan memperkukuh perkongsian maklumat serta amalan-amalan terbaik.

Yang Berhormat juga mengongsikan bahawa NBD telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam memperkukuhkan keselamatan siber negara seperti penubuhan Pusat Anti Scam (Anti-Scam Center) dan Anti-scam Hotline serta talian bantuan *anti-scam* yang bertujuan untuk

membantu dan menangani jenayah penipuan dalam talian secara lebih berkesan.

Menyertai rombongan NBD di mesyuarat-mesyuarat tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Sosialis Viet Nam, Puan Yang Terutama Datin Paduka Malai Hajah Halimah binti Malai Haji Yusoff; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim, selaku Ketua Urusetia Jawatankuasa Kebangsaan Keselamatan dan Siber dan pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Perdana Menteri.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri



Perkongsian strategik Brunei-Republik Perancis terus diperkukuhkan



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Oktober. - Persatuan Perniagaan Perancis-Brunei (FBBA) meraikan ulang tahun ke-25 penubuhannya dengan mengadakan Majlis Perjumpaan Tahunan 2025 bertemakan 'FBBA 25th Anniversary - Through the Years' yang berlangsung malam tadi di Dewan Serambi Suluh,

Tarindak D'seni, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menekankan

kekuatan perkongsian antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Perancis yang dibina atas dasar kepercayaan, rasa hormat, dan matlamat bersama.

"Setiap perkongsian yang kekal menceritakan kisah kepercayaan, tujuan yang dikongsi bersama, dan individu yang percaya bahawa kerjasama dapat mencipta sesuatu yang lebih besar daripada diri mereka sendiri," jelas Yang Berhormat.

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut. Juga hadir, Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat turut mengiktiraf peranan FBBA sebagai salah satu persatuan perniagaan paling aktif dan dihormati di negara ini.

Melalui perbincangan bermakna, Yang Berhormat menerangkan rangkaian perniagaan, dan kerjasama dengan kementerian serta sektor swasta, FBBA telah mewujudkan ruang untuk perkongsian idea, menjalin hubungan, dan membuka peluang.

Di sektor pengangkutan dan infokomunikasi, kerjasama dengan syarikat Republik Perancis telah memberikan impak yang ketara, ujar Yang Berhormat.

"Antaranya ialah penggunaan pesawat Airbus oleh Royal Brunei Airlines, serta kerjasama teknikal dengan syarikat Thales yang telah menyokong sistem navigasi

penerbangan negara selama lebih tiga dekad," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai kerjasama baharu dalam bidang keselamatan siber, yang semakin penting dalam era digital.

Yang Berhormat menyatakan harapan untuk memperkukuh latihan dan pembinaan kapasiti bersama Republik Perancis, baik dalam konteks awam mahupun pertahanan.

Yang Berhormat menutup ucapannya dengan mengucapkan tahniah kepada FBBA atas pencapaian selama 25 tahun, dan berharap perkongsian berkenaan terus berkembang dalam bidang teknologi, kelestarian, pendidikan, dan inovasi digital.

"Semoga peringatan ini memberi inspirasi untuk kita terus membina masa depan yang inovatif, penuh persahabatan dan kemakmuran bersama untuk generasi akan datang," ujar Yang Berhormat lagi.

Juga hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Eve Lubin; dan serta Presiden FBBA, Pierre Imhof.

TEKANKAN PERANAN BELIA PEMANGKIN KEPELBAGAIAN EKONOMI NEGARA



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir menyampaikan ucapan alu-aluannya pada Youth Town Hall Brunei Edisi Ke-8 yang telah mengambil tempat di Dewan Teater, Jabatan Perdana Menteri (atas kiri), manakala gambar atas kanan, sebahagian daripada yang hadir.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Oktober. - Lebih 500 belia menghadiri Youth Town Hall Brunei Edisi Ke-8 yang dianjurkan bersama oleh Young Professionals Network (YPN) Brunei dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan sokongan daripada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), berlangsung di Dewan Teater, Jabatan Perdana Menteri, hari ini.

Youth Town Hall Brunei merupakan satu platform yang diwujudkan pada tahun 2020 oleh YPN bersempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan, dengan tujuan untuk memupuk pemikiran berorientasikan penyelesaian, berpandangan jauh dan bersemangat untuk bekerjasama dalam kalangan belia yang ingin menyumbang kepada pembangunan negara. Platform ini juga menyediakan peluang kepada golongan belia untuk berinteraksi secara konstruktif bersama menteri-menteri dan pegawai kanan kerajaan.

Edisi Ke-8 bertemakan 'Youth in

Action : Powering Brunei's Economic Future' ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menekankan bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) kini memasuki fasa di mana kepelbagaian ekonomi bukan lagi sekadar arah dasar, tetapi satu tanggungjawab yang memerlukan penglibatan daripada setiap generasi.

Menurut Yang Berhormat, penyertaan belia, walaupun masih di peringkat awal, merupakan petunjuk positif bahawa golongan muda semakin menyedari peluang yang ada dalam sektor sumber-sumber utama ini, bukan sahaja untuk menjana pendapatan tetapi juga menyumbang kepada keselamatan makanan negara, memperkukuh eksport agro-makanan halal serta menyokong usaha kepelbagaian

ekonomi negara.

"Sesi hari ini bukan sekadar satu dialog, tetapi juga mencerminkan keyakinan kita terhadap peranan belia sebagai pemimpin hari esok dan penyumbang hari ini. Dalam setiap transformasi yang dihasratkan oleh negara termasuk keselamatan makanan, inovasi digital, keusahawanan dan pelancongan, golongan belia berada di pusatnya," ujar Yang Berhormat. Ini diikuti dengan sesi dialog khas bersama Yang Berhormat, dimoderatkan oleh Dr. Muhammad Nuriskandar bin Mohd. Hasnan.

Sepanjang dua jam sesi tersebut, lebih 14 soalan telah diajukan oleh para peserta yang merangkumi pelbagai isu seperti dasar untuk melindungi produk dan petani tempatan, sokongan terhadap kraf tangan yang hampir pupus, manfaat Pelaburan Langsung Asing (FDI) kepada petani tempatan serta pembiayaan dan bantuan kepada komuniti akar umbi.

Semasa sesi tersebut, Yang Berhormat mengingatkan para

belia agar tidak menjadikan kelayakan akademik sebagai penghalang untuk menceburi sektor pertanian, dengan menegaskan bahawa meskipun terdapat ketidaksesuaian latar belakang atau kemahiran, belia tetap berpotensi untuk berjaya dalam bidang ini jika mempunyai minat dan keinginan untuk belajar kerana sektor pertanian merupakan antara industri paling mudah disesuaikan di NBD, terutamanya dalam pemprosesan produk makanan yang mampu menjana peluang pekerjaan dan pendapatan.

Menjawab pertanyaan mengenai inisiatif kerajaan untuk menyokong petani tempatan, Yang Berhormat turut menjelaskan pelbagai langkah kerajaan dilaksanakan termasuk penyediaan platform jualan dengan kos rendah, latihan dan sistem sokongan kepada usahawan serta petani tempatan.

Langkah-langkah ini bertujuan untuk menggalakkan pemprosesan tempatan produk makanan serta memastikan lebih banyak peluang

Oleh : Hajah Siti Zuraihah
Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hasif Matzin

pekerjaan dan penjaan pendapatan untuk usahawan tempatan.

Berhubung sektor pelancongan, Yang Berhormat turut menekankan bahawa NBD sedang memposisikan dirinya dalam pasaran pelancongan global dengan matlamat yang jelas untuk menjana sekitar BND1.1 bilion dalam hasil pelancongan menjelang tahun 2035.

Menurut Ketua Projek Youth Town Hall dan Pengasas Bersama Young Professionals Network BN, Mohammad Ashmeer Imtiaz Ahmad, "Walaupun Brunei dikurniakan sumber semula jadi yang melimpah seperti minyak dan gas, perikanan serta hutan, kini tiba masanya kita menumpukan perhatian kepada satu lagi sumber penting iaitu golongan belia kita.

"Belia Brunei sudah pun melangkah jauh dalam bidang seperti pertanian pintar, akuakultur, ekopelancongan dan ekonomi kreatif. Kini adalah masa terbaik untuk memperkasa peranan mereka dalam membina masa depan ekonomi yang mampan dan dinamik".

Beliau menambah, "Kami berpuas hati dengan penyertaan pada Youth Town Hall kali ini dan berharap sesi seperti ini akan diteruskan pada masa hadapan, terutama apabila Wawasan Brunei 2035 semakin menghampiri. Visi negara ini tidak akan dapat direalisasikan tanpa penglibatan bermakna daripada golongan belia bersama kerajaan, sektor swasta dan masyarakat awam".

Youth Town Hall Brunei kekal sebagai inisiatif bersama antara YPN dan KKBS, bertujuan untuk memberi ilmu, kemahiran dan dorongan kepada belia agar dapat menyumbang secara aktif, inovatif dan dinamik kepada pertumbuhan ekonomi serta sosial negara. Sehingga kini, Youth Town Hall Brunei telah menghimpunkan 12 orang menteri dan lebih 4,000 belia dalam lapan siri penganjuran.

Mengetengahkan kreativiti dalam bidang kulinari, seni gubahan

TUTONG, Ahad, 26 Oktober. - Bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025, Persatuan Pertiwi Cawangan Daerah Tutong pagi tadi menganjurkan acara pameran Urusan Rumah Tangga yang mengambil tempat di Dewan

Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, di sini.

Sebanyak 314 penyertaan telah mengambil bahagian pada pertandingan pameran masakan dan gubahan yang terdiri dari 18 jenis masakan serta gubahan yang dikategorikan dalam 3 bahagian iaitu kategori masakan dan sayuran, kuih-muih, dan gubahan kraftangan serta gubahan bunga

ISTERI Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, Datin Zubaidah binti Haji Mahmud semasa menyempurnakan penyampaian hadiah kepada salah seorang penerima.

hidup.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Isteri Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, Datin Zubaidah binti Haji Mahmud yang juga turut berkesudian menyempurnakan majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Pengerusi Persatuan Pertiwi Cawangan Daerah Tutong, Dayang Hajah Ainah binti Datu Hulubalang Haji Abd. Wahab dalam ucapan alu-aluannya mengongsikan, antara lain tujuan

TETAMU kehormat semasa menyaksikan secara dekat salah sebuah pameran yang dipertandingkan.

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan



acara tersebut diadakan adalah untuk menyediakan satu venue bagi penduduk di Daerah Tutong yang berminat dan mempunyai kemahiran dalam bidang kulinari serta seni gubahan untuk mempamerkan kemahiran dan kreativiti masing-masing.

Disamping itu jelasnya lagi, para peserta juga berpeluang untuk mempromosi hasil masakan dan gubahan masing-masing dalam satu persaingan yang sihat.

Pada tahun ini, pembaharuan telah dibuat dalam kategori Gubahan Bunga Hidup di mana

para peserta dikehendaki membuat gubahan bunga hidup di hadapan hakim-hakim dalam masa yang terhad iaitu 15 minit. Berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya di mana para peserta hanya membuat membawa gubahan bunga hidup yang telah mereka hasilkan ke dewan untuk dihakamkan.

Tetamu kehormat majlis juga berpeluang menyaksikan secara dekat pameran-pameran yang dipertandingkan di samping mengunjungi meja jualan semasa acara berkenaan.



42 peserta mara ke peringkat akhir

■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

MUARA, Sabtu, 25 Oktober. - Seramai 66 peserta lelaki dan 14 peserta perempuan telah mengambil bahagian dalam Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Saringan Kebangsaan bagi Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang telah diadakan



SALAH seorang peserta memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

selama tiga hari iaitu pada 21, 22 dan 23 Oktober 2025.

Musabaqah dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Imarah, dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Setia Ali.

Penganjuran musabaqah ini bertujuan untuk mengenal pasti para qari dan qariah yang berpotensi serta memenuhi kriteria untuk mara ke peringkat seterusnya di samping memperkasa budaya pembaca Al-Quran dalam kalangan masyarakat Islam di negara ini.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Hadiah dan Sagu Hati bagi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Saringan Kebangsaan di Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara bagi Tahun 1447H / 2025M diadakan pagi tadi bertempat di Masjid Setia Ali,

Pekan Muara. Seramai 42 peserta telah terpilih untuk mara ke peringkat akhir.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok, yang seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil penyertaan kepada para peserta dan jemaah hakim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Masjid Setia Ali, Pekan Muara, Awang Mohammad Faisal bin Abdul Fauzi, diikuti dengan pengumuman keputusan oleh Pengerusi Jemaah Hakim Musabaqah, Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof. Majlis turut diserikan dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Johan Musabaqah.

Di samping untuk menghayati isi kandungan Al-Quran serta menyemai nilai-nilainya dalam kehidupan beragama, berbangsa dan bernegara, penganjuran musabaqah ini turut dihasratkan untuk melahirkan para qari dan qariah yang boleh membaca Al-Quran dengan lancar, sempurna serta bertanum, sekali gus dapat diketengahkan sebagai contoh teladan (*role model*) kepada masyarakat.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memupuk minat mendalam terhadap pembacaan Al-Quran serta mendidik generasi muda agar sentiasa menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai amalan dalam kehidupan seharian.



MUALAF DISERU BERGIAT AKTIF DALAM PERSATUAN, PERKUKUH KEFAHAMAN ISLAM



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Bukit Sawat hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BERAKAS, Sabtu, 25 Oktober. - Para mualaf diseru agar bergiat aktif dalam persatuan kerana penglibatan ini memberi banyak manfaat.

Antaranya menjadi contoh dan inspirasi kepada mualaf lain, di samping membantu memperkukuh usaha dakwah secara lebih berkesan, serta menguatkan keyakinan dan kefahaman terhadap Islam, sekali gus mengelakkan kekeliruan atau kecenderungan untuk kembali kepada agama asal.

Perkara tersebut antara yang ditekankan oleh Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh,

dalam ucapan alu-aluannya semasa Majlis Konvokesyen Skim Bimbingan Mualaf Kali Ke-3 PDI Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Selain itu tambahnya, mualaf juga digalakkan menghadiri kelas-kelas pengajian yang dianjurkan oleh persatuan atau agensi berkaitan bagi mendalami ilmu agama dan memperkukuh akidah mereka.

Oleh itu menurutnya lagi, peranan para mualaf bukan sahaja dapat memperkukuh iman dan ilmu, tetapi juga menyumbang

secara positif kepada pembangunan masyarakat Brunei yang berteraskan Melayu Islam Beraja.

"Alhamdulillah, PDI melalui Bahagian Bimbingan Mualaf telah melakar pelbagai kejayaan dalam membangunkan pendidikan bagi para mualaf.

"Antaranya pembaharuan dan peningkatan program yang ditambah baik dengan perubahan yang signifikan dari tahun ke tahun, selaras dengan keperluan dan keadaan semasa," ujarinya lagi.

Pembaharuan demi pembaharuan ini katanya, membuktikan komitmen berterusan PDI dalam memperkukuh pendidikan mualaf sejak tahun 1989.

Jelasnya, dari hanya satu skim asas, kini ia berkembang menjadi rangkaian sistematik empat skim utama dengan kesedaran dan penyertaan peserta yang semakin meningkat serta hasil bimbingan para tenaga pengajar yang membanggakan.

Pada majlis tersebut, seramai 152 orang mualaf menerima Sijil Tamat Skim Bimbingan Lanjutan II dan daripada jumlah berkenaan, seramai 47 orang adalah dari Daerah Brunei dan Muara, 41 orang dari Daerah Belait, 41 orang dari Daerah Tutong dan 23 orang dari Daerah Temburong telah berjaya menamatkan Skim Bimbingan Lanjutan II.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad bin



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil penyertaan kepada para peserta dan jemaah hakim (atas). Sementara gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



Abdullah @ Lim Swee Ann, juga Ketua Kampung Bukit Sawat.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan lagu 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti dengan bacaan Sayidul Istighfar beramai-ramai, Surah Al-Fatihah dan Surah Ad-Dhuha yang dibacakan oleh Naib Johan Musabaqah Membaca Al-Quran Mualaf Senegara sempena Jubli Delima PDI 1447H/2025M, Awang Haji Muhammad Nabil Hafizuddin bin Abdullah Hussin.

Manakala inti sari dan pengajaran Surah Ad-Dhuha dibacakan oleh Peserta Skim Bimbingan Lanjutan II, Cawangan Da'wah Daerah Tutong, Dayang Nurfashihah Amirah binti Abdullah Chua.

Majlis turut diserikan dengan tayangan video pendek yang memaparkan memori pelaksanaan Skim Bimbingan Mualaf dan disusuli persembahan lagu Skim Bimbingan Mualaf bertajuk 'Insan Rabbani' oleh gabungan tenaga pengajar dari empat daerah di bawah Skim Bimbingan Mualaf, PDI.

Sejurus itu, pengumuman Anugerah Peserta Terbaik Keseluruhan Skim Bimbingan Mualaf oleh Penolong Ketua Bahagian Pembangunan Mualaf (Pengupayaan Mualaf), PDI, Awang Yusri bin Haji Abd. Majid, diikuti dengan penyampaian sijil kepada peserta-peserta

konvokesyen yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Johan Menghafaz Surah-Surah Lazim Berserta Pemahamannya bagi Mualaf sempena Jubli Delima PDI 1447H/2025M, Awang Fadzil Eshan bin Haji Abdul Alyan @ Fadzil Azwin bin Tanga.

Majlis Konvokesyen Skim Bimbingan Mualaf Kali Ke-3 anjuran PDI, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Pembangunan Mualaf (Tarbiah Mualaf) ini, diadakan dengan tujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada para mualaf yang telah menamatkan Skim-Skim Bimbingan Mualaf di bawah kendalian Bahagian Pembangunan Mualaf (Tarbiah Mualaf), PDI dan cawangan PDI di daerah-daerah.

Di samping itu, untuk menghargai potensi dan komitmen para mualaf yang telah mengikuti program-program bimbingan yang disediakan.

Dengan adanya majlis seumpama ini, adalah diharapkan agar ia dapat memperkukuh keyakinan diri para peserta untuk sentiasa mempelajari dan mengamalkan ilmu agama Islam, di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan para peserta mualaf dari keempat-empat daerah.

سرلاک سري

رهسيا کتنغن جیوا

جماعه یغ درحمتي الله،

بر تقوی له کیت کحضرة الله سُبحانه و تعالیٰ دغن منیغکنکن کلیمانن کفدن. سسغکوهن اورغ یغ فالیغ ملیا دسیسی الله سُبحانه و تعالیٰ ایت ایاله اورغ یغ فالیغ بر تقوی. موده-مودهن کیت منجادی انسان یغ سنتیاس مغایغتی الله سُبحانه و تعالیٰ، بر اوله کجیان دان کسلامتن ددنیا دان جوک داخیره.

الله سُبحانه و تعالیٰ برفرمان دالم سورة الفجر آیه ۲۷-۳۰:

تفسیر:

(دکاتکن کفد اورغ-اورغ یغ برلمان:) "واهای جیوا یغ تنغ!" "کمالیله کفد توھن مو دالم کادان ریضا لاکي دریضاین." "مک ماسوقله کدالم کولوغن همبا-همباکو (یغ صالح)." "دان ماسوقله کدالم شرک کو."

جماعه یغ درحمتي الله،

فطرة ستیاف مانسی مغھارفکن دان مندماکن کسنغن، کسجهتران، کنعمتن دان کسلیمان. تیدق اد سسیاف فون یغ مغایغتنکن هیدوفن فئوه دغن کسوسهن، کسغسارآن دان مسئله یغ بر فنجغن. نامون سمون این اداله کنتنوان درفد الله سُبحانه و تعالیٰ، دیاله یغ مغانوکرهکن قلباکای نعمت کفد کیت ترماسوقله نعمت کتنغن دان کدمااین جیوا. دالم کھیدوفن یغ فئوه دغن اوجین این، تیدق سدیکیت انتارا کیت یغ برھادفن دغن تکنن فراسان سعادا دالم بنتوق ستریس، رونسیغ، راس کلیسه سهیغک سساورغ تیدق دافت ممیوات فرنیمنغن دغن بتول. مغافکه کجلا این ترجادی کفد مانسی؟

سینرن ددالم القرآن میمنغ تردافت جوافن یغ جلس تنغ سبب-سبب فیاکیت ترسبوت ترجادی، انتاران دسیبکن سساورغ ایت تیدق تاهن داوجی، جونتوهن افیل سساورغ ایت دیریکن اوجین اولیه الله سُبحانه و تعالیٰ سام اد برینتوق کسوسهن، بالا بنجان دان مالا فٹاک شقرتی کمیسکین، بنجور، کماراو، کبارکن مک اکن کونده کولاناله دان برکلوھ کسهله جیوان.

بکیئو جوک افیل الله سُبحانه و تعالیٰ مغورنیاکن نعمت بروفا ککایان کفدن، مک تیمبول له سیکف بخیل اتاو کیکیر فد دیرین اونتوق منولوغ اورغ یغ ممرلوکن بنتوان، سباکیما فرمان الله سُبحانه و تعالیٰ دالم سورة المعارج آیه ۱۹-۲۳:

تفسیر:

سسوغکوهن مانسی ایت دجیفتاکن بر صفة کلیسه لاکي بخیل. افیل دی دیمفا کسوسهن، دی برکلوھ کسه. دان افیل دی مندافت کبایکن، دی کدکوت. کجوالی اورغ-اورغ یغ مندیریکن سمیہیغ. یایت اورغ-اورغ یغ تنف مندیریکن سمیہیغ.

جماعه یغ درحمتي الله،

انتارا فونجا اوتام تکنن فراسان یغ ملاندا مانسی هاری این ایاله افیل هاتی سماکن جاوه درفد مغایغتی الله سُبحانه و تعالیٰ دان کورغن مغیحاتی اجرن اکام. اد یغ ترالو سیبک منوھی کھندق دنیا دان نفسو سمات-مات، مئجر کسونوکن، کمیواھن دان هیبورن یغ ملالایکن سهیغک مغایکن کفرلوان روحانی یغ منجادی سومر کتنغن دان کبھاکیان سینر، جوسزو، کمالیله کیت کفد جالن الله سُبحانه و تعالیٰ، فریایکنله عمل صالح دان هیدوفن ذکر الله دالم دیری اگر کیت کمالی تنغ دان دامای. سام-سام له کیت مغمیل ایغن دغن فرمان الله سُبحانه و تعالیٰ دالم سورة طه آیه ۱۲۴:

تفسیر:

دان سسیاف یغ بر فالیغ درفد فرایغتنکو (فونجوقکو) مک سسوغکوهن باکین کھیدوفن یغ سمیت (ددنیا) دان کامی اکن مغھیمقونکنن فد هاری قیامة دالم کادان بوت.

سسوغکوهن باکي مہلسایکن مسئله، کیت هندقله منجادیکن القرآن سباکای فونجوق دان قمیبسیغ اوتام دالم کھیدوفن. افیل اومت اسلام بر فکغ تکره فد اجرن القرآن، مک مریک اکن مغو مہلسایکن مسئله دان ککوسوتن هیدوف دغن چارا یغ دریضای دان برکسن، جاوه دری جالن یغ مروسفکن دیری سقرتی مینوم ارق، مپاھکوناکن داده، اتاو ملاکوکن قندران.

اونتوق مندافتکن سواسان امان دامای، سجهتر، هرمونی دان کتنغن جیوا، اکام اسلام تله فون مٹکاریسکن قندوان یغ ساعت برکسن دالم مراوات فهاکیت جیوا اتاو تکنن فراسان ایت، انتاران:

قرتام: مپایفکن ذکر الله یایت مغایغتی الله سُبحانه و تعالیٰ سباکیما فرمانن دالم سورة الرعد آیه ۲۸:

تفسیر:

(یایت) اورغ-اورغ یغ برلمان دان هاتی مریک تنزام دغن ذکر الله (مغایغتی الله سُبحانه و تعالیٰ). کتھویله دغن ذکر الله ایت هاتی منجادی تنزام.

کلوا: ملقسناکن سکل فرینته الله سُبحانه و تعالیٰ، یایت مغرجاکن اف یغ دسوروه دان منیغکلکن اف یغ دلارغن.

کیتک: میوجیکن جیوا یایت دغن جارا منجاوھی دیری درفد سکل قربواتن دوسا دان معصیة.

جماعه یغ درحمتي الله،

سباکای اورغ اسلام، کیت اداله داخوورکن اونتوق سنتیاس بردعاء کحضرة الله سُبحانه و تعالیٰ فد ستیاف ماس دان کادان. سسوغکوهن دعاء میلیکی قرانن یغ فتنیغ اونتوق مندکنکن دیری کفد الله سُبحانه و تعالیٰ دان اونتوق

مننغن جیوا. انتارا دعاء یغ داجرکن اولیه رسول الله صَلَّی اللہُ عَلَیْہِ وَاٰلِہٖ وَسَلَّم اونتوق دعمالکن کیتک هاتی، جیوا، فیکیرن تیدق تنغ دان کاجاو اداله دعاء یغ درواتکن اولیه امام الطیرانی درفد ابو اَمَامَةُ البَاجِلِي رَحِمَہُ اللہُ عَلَیْہِ: اَللّٰهُمَّ اِنِّیْ اَسْأَلُکَ نَفْسًا مَّطْمَئِنَّةً، تُؤْمِنُ بِلِقَائِکَ، وَتَرْضٰی بِقَضَائِکَ، وَتَقْبَلُ بِعَطَائِکَ.

مقصود:

یا الله! سسوغکوهن اکو موهون کفد اغکارو جیوا یغ تنغ، برلمان دغن هاری فرموان دغن اغکارو، دان ریضا دغن کنتنوان اغکارو دان جوکوف دغن کورنیان اغکارو.

سلاین ایت، کیت جوک بولیھ مغعمالکن دعاء باکي ملیندوغي دیری دری فراسان دان هاتی کلوه کساه دان تیدق تنغ، یایت:

اَللّٰهُمَّ اِنِّیْ اَعُوْذُ بِکَ مِنْ اَلْهَمِّ وَالْحَزَنِ وَاَعُوْذُ بِکَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْکَسَلِ وَاَعُوْذُ بِکَ مِنَ الْجَبَنِ وَالْبَخْلِ وَاَعُوْذُ بِکَ مِنْ غَلْبَةِ الدِّیْنِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ

مقصود:

"یا الله، سسوغکوهن اکو برلیندوغ کفد اغکارو دری کدوکان دان کسدیھن دان اکو برلیندوغ کفد اغکارو دری صفة له دان مالس دان اکو برلیندوغ کفد اغکارو دری صفة ففجوت دان بخیل دان اکو برلیندوغ کفد اغکارو دری بینن هوتغ دان فینداسن مانسی." {حدیث روایة ابو داود}

سسوغکوهن کلیمانن دان کتفوان اداله سباکای بینتیغ دالم مغھاروغي جابرین کھیدوفن ددنیا این. اولیه ایت، هان دغن مغمالکن اجرن اکام اسلام سھاجله جیوا مانسی ایت اکن ترسلامت دری ککلیسھن دان ککوسوتن. یغتله، جاجن هان دسیبکن کسپیوکن کیت مئجر کسنغن، کمیواھن اتاو کماھن دنیا مغھکیتنکن کیت لوف کفد اکام.

کتھویله الله سُبحانه و تعالیٰ تله ممیریکن جامینن بهاوا مانسی یغ إخلاص دالم ملقسناکن اجرن اکام اسلام سھاجله یغ هان اکن ممویای هاتی یغ تنزام، امان دان سنتوسا. سام-سامله کیت بردعاء سموک الله سُبحانه و تعالیٰ سنتیاس ممیریکن کتنغن جیوا کفد کیت سموا اگر دافت منجالی کھیدوفن این دغن امان دان بهاکیا. آمین یا رب العالمین.

تفسیر:

"(یایت) هاری یغ هرثا دان اُنق-اُنق تیدق برمنفعة لاکي." "ملایکن سسیاف یغ داتغ مغھادف الله دغن هاتی یغ برسیه." {سورة الشعراء: آیه ۸۸-۸۹} بَارِکَ اللّٰهُ لَنَا فِی الْقُرْآنِ الْعَظِیْمِ، وَنَفَعْنَا بِالْآیَاتِ وَالذِّکْرِ الْحَکِیْمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ اِنَّهٗ هُوَ السَّمِیْعُ الْعَلِیْمُ، وَاسْتَغْفِرِ اللّٰهُ الْعَظِیْمُ لَیْ وَلَکُمْ وَلِیْسَ اَتْرَ الْمُسْلِمِیْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاَسْتَغْفِرُوْهُ فِیَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِیْنَ وَیَا نَجَاةَ التَّائِبِیْنَ.

PENERAPAN NILAI ISLAM BANTU TANGANI TEKANAN EMOSI, KESEJAHTERAAN MENTAL



Oleh : Khartini Hamir

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

SENGKURONG, Sabtu, 25 Oktober. - Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Kaunseling petang tadi mengadakan Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia (World Mental Health Day) 2025 bagi warga kementerian

termasuk sekolah-sekolah dan institusi pendidikan, bertempat di Multimedia Theatre, Pusat Tingkatan Enam, Sengkurong. Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian

SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Sammal bin Haji Adam.

Majlis kemudian diteruskan dengan ucapan oleh Pemangku Ketua Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah Dayang Nor Zaiham Midawati binti Haji Abdullah, yang menekankan akan perihai pentingnya penjagaan kesihatan mental.

Beliau turut menjelaskan bahawa seseorang yang memiliki kesihatan mental yang baik lazimnya akan sentiasa

menunjukkan sifat-sifat positif seperti beramah mesra, berkeyakinan tinggi, bijak mengurus serta berupaya mengendalikan sesuatu masalah secara bijaksana.

Kemuncak acara diisikan dengan Forum Khas Kesihatan Mental bertajuk 'Minda Sejahtera Tanggungjawab Bersama' bersempena tema Hari Kesihatan Mental Sedunia tahun ini iaitu 'Akses kepada Perkhidmatan: Kesihatan Mental dalam Bencana dan Kecemasan'.

Forum menampilkan tiga orang panel jemputan iaitu Ketua Unit Kesejahteraan Pemimpin Sekolah dan Tenaga Pengajar (UKPSTP), Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Awang Ahmad Faisal bin Haji Zainal Abidin; Pegawai Jururawat Tingkat Khas, Ketua Perkhidmatan Pentadbiran Kejururawatan, Kementerian Kesihatan, Dayang Hajah Radiah binti Omar; dan Pembantu Kanan Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Abdul Khaliq bin Awak, yang berkongsi pandangan

daripada perspektif pendidikan, kesihatan dan kerohanian, bagi menggalakkan pertukaran idea serta perkongsian pengalaman sebenar yang relevan dengan konteks sekolah di Negara Brunei Darussalam.

Antara perkara yang dibincangkan ialah peranan para pendidik dan pentadbir sekolah dalam mengenal pasti serta menangani krisis kesihatan mental serta kepentingan sokongan awal dan penerapan nilai-nilai Islam seperti belas kasihan, simpati dan empati dalam membantu menangani tekanan emosi dan memelihara kesejahteraan mental.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada ahli-ahli panel dan fasilitator-fasilitator latihan Psychological First Aid yang telah disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Acara turut dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan, para pemimpin sekolah dan tenaga pengajar di bawah Kementerian Pendidikan serta para pelajar.

Firqah Al-Khalil, Dhiya'ul Iman Muslimah johan Pertandingan Nasyid 2025



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada johan pertandingan berkenaan (atas dan kanan).

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 26 Oktober. - Kumpulan Firqah Al-Khalil yang membawakan lagu 'Negara Zikir Amalkan Al-Quran' dan Kumpulan Dhiya'ul Iman Muslimah dengan lagu 'Sahmura' masing-masing muncul johan bagi Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan dalam Pertandingan Nasyid 2025

Peringkat Akhir anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, petang tadi.

Tempat kedua disandang oleh Kumpulan Firqah Arroja dengan lagu 'Samar Cahaya Fana' dan Kumpulan Amiratul Mumtazah

dengan lagu 'Cahaya RahmatMu', sementara tempat ketiga jatuh kepada Kumpulan Harakatul Adzkia dengan lagu mereka 'Meggalas Perjuangan' dan Kumpulan Al-Baheerah dengan lagu 'Brunei Negara Rahmat dan Berkah'.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian

hadiah kepada para pemenang ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Di peringkat akhir ini, finalis dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kategori Lelaki (empat kumpulan) dan Kategori Perempuan (empat kumpulan), di mana setiap kumpulan mencipta sendiri sebuah lirik lagu dan irama nasyid dalam Bahasa Melayu untuk dipertandingkan.

Juara pertandingan masing-masing menerima BND3,000 berserta trofi dan sijil penyertaan, sementara tempat kedua membawa pulang hadiah BND2,500 berserta trofi dan sijil penyertaan, manakala tempat ketiga memenangi BND1,500 berserta trofi dan sijil penyertaan, dan para penerima sagu hati masing-masing menerima BND1,000 berserta trofi dan sijil penyertaan.

Kumpulan Dhiya'ul Iman Muslimah juga turut menerima hadiah bagi Persembahan Terbaik dengan membawa pulang BND700 dan trofi.

Objektif pertandingan nasyid diadakan adalah untuk menjadikan seni nyanyian bercorak keagamaan Islam sebagai salah

satu alternatif kaedah berdakwah, selaras dengan konsep negara ini sebagai sebuah negara zikir yang berpaksikan konsep Melayu Islam Beraja.

Di samping menambah koleksi lagu-lagu nasyid untuk siaran RTB, ia juga bertujuan bagi meningkatkan rasa kecintaan masyarakat di negara ini terhadap agama dan bangsa melalui alunan kata-kata kecintaan yang memuji tuhan serta selawat terhadap junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Antara kumpulan yang menyertai pertandingan nasyid kali ini adalah terdiri daripada Firqah Arroja; Amiratul Mumtazah; Harakatul Adzkia; Firqah Lahn Hidayah; Firqah Ijtihadun; Dhiya'ul Iman Muslimah; Firqah Al-Khalil; dan Al-Baheerah.

Hadir sama menyaksikan pertandingan tersebut, Pemangku Timbalan Pengarah (Kemajuan) RTB; pegawai-pegawai kanan dan kakitangan RTB.

Pertandingan ini ditaja oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Pappu Restaurant and Catering.

Pertandingan Peringkat Akhir ini turut disiarkan secara langsung menerusi Rangkaian Radio Nur Islam, RTB Aneka dan RTBGo.



KUMPULAN Dhiya'ul Iman Muslimah dengan lagu 'Sahmura', muncul johan bagi Kategori Perempuan dalam Pertandingan Nasyid 2025 Peringkat Akhir anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB).

WI serah 79 helai BFC, sokong amalan penyusuan susu ibu

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Sabtu, 25 Oktober. - Sebanyak 79 helai Nursing Breast Feeding Covers (BFC) diserahkan oleh Jawatankuasa Kanak-Kanak Sihat (Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Negara Brunei Darussalam - WI) di bawah Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025, kepada Kementerian Kesihatan.

Majlis penyerahan tersebut diadakan di Bilik VIP, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Pengiran Dr. Hajah Siti Nasibah binti Pengiran Haji Ismail.

Dalam ucapannya, Pengiran Dr. Hajah Siti Nasibah menjelaskan bahawa penggunaan Nursing BFC dapat membantu para ibu menyusukan anak dengan lebih selesa dan yakin di tempat awam kerana privasi yang diberikan.

Beliau turut menghargai inisiatif pemberian Nursing BFC berkenaan dan sokongan berterusan WI terhadap usaha Kementerian Kesihatan dalam mempromosi, menyokong dan membudayakan penyusuan susu ibu dalam kalangan ibu bapa dan keluarga di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sementara itu, Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kanak-Kanak Sihat (WI cawangan Daerah Brunei dan Muara), Datin Hajah Masni binti Haji Mohamad Ali, dalam ucapannya menzahirkan harapan agar sokongan tersebut dapat memberi galakan kepada para ibu supaya mengamalkan penyusuan susu ibu sebagaimana yang disarankan dalam Kitab Suci Al-Quran, Surah Al-Baqarah ayat 233.

PENYERAHAN Nursing BFC disampaikan oleh Pengerusi Bersama WI cawangan Daerah Brunei dan Muara kepada Pemangku Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Menurut beliau, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga menyarankan penyusuan susu ibu secara eksklusif sejak kelahiran anak damit sehingga berumur enam bulan pertama.

"Penyusuan susu ibu merupakan asas penting bagi kesihatan ibu dan anak-anak damit.

"Susu ibu ialah pemakanan yang sangat unik, istimewa dan sempurna kerana mengandungi nutrien-nutrien berkualiti dalam nisbah yang tepat seperti yang diperlukan oleh anak damit untuk pertumbuhan dan perkembangan yang optimum.

"WI percaya bahawa amalan kesihatan seperti ini dapat menambah ikatan (*bonding*), mewujudkan rasa kasih sayang yang erat antara ibu dan anak damit, serta memperkukuh institusi keluarga, yang seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan pembangunan yang mampan," jelasnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh pegawai daripada JDBM, Pengiran Haji Shahibol Esham bin Pengiran Kamis.

Majlis diteruskan dengan penyerahan Nursing BFC yang disampaikan oleh Datin Hajah Masni kepada Pengiran Dr. Hajah Siti Nasibah.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan dan NBD yang turut dipimpin oleh Pengiran Haji Shahibol Esham.

Turut hadir, pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kesihatan, pegawai-pegawai dari JDBM, Ahli-ahli Jawatankuasa Kanak-Kanak Sihat (WI NBD) dan Syarikat Perusahaan Mazroni.





MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Kesan Buli Terhadap Kesihatan Mental'. Tarikh Tutup : 29 Oktober 2025
- 'Kawal Tekanan, Lindungi Jantung Awda'. Tarikh Tutup : 5 November 2025
- 'Cabaran Memupuk Hubungan Kejiranan'. Tarikh Tutup : 12 November 2025

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaja jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MAJLIS KHATAM AL-QURAN SEMPENA 50 TAHUN PERKHIDMATAN TELEVISYEN BRUNEI

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Mohammad Hasif Matzin



PEMANGKU Timbalan Pengarah (Operasi), Radio Televisyen Brunei (RTB), Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohammad Kifli hadir di Majlis Khatam berkenaan (atas), manakala gambar kanan, antara para hadirin yang menyertai majlis tersebut.

BERAKAS, Sabtu, 25 Oktober. - Radio Televisyen Brunei (RTB) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena 50 Tahun Perkhidmatan Televisyen Brunei 2025 Masihi / 1447 Hijrah bertempat di Masjid Ash-Shaliheen, Berakas, di sini.

Hadir ialah Pemangku Timbalan Pengarah (Operasi), Pengiran

Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohammad Kifli.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pengiran Haji Ismail, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim iaitu Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas dan seterusnya bacaan Takhtim yang diketuai oleh Penolong Pegawai Kewangan



Tingkat I yang juga memimpin Dikir Marhaban, Awang Abdul Qawi bin Haji Mat Yamin.

Sementara itu, bacaan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyyah dipimpin oleh Penolong Perancangan, Bahagian Rancangan TV, Awang Razali bin Ibrahim, yang juga memimpin

bacaan Doa Khatam Al-Quran dan Doa Selamat.

Sambutan keugamaan berkenaan merupakan salah satu majlis bagi memanjatkan kesyukuran, memohon keselamatan dan keafiatan bagi warga di Jabatan RTB sepanjang 50 tahun perkhidmatan TV Brunei

dan masa akan datang serta sekali gus menanamkan minat terhadap Al-Quran sebagai petunjuk dalam menjalankan tugas sehari-hari.

Juga hadir, Pemangku Timbalan Pengarah (Kemajuan); serta ketua-ketua bahagian, pegawai dan kakitangan daripada RTB.



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
18 / JULY / 2025 / KKBS / PJK / 16.91 (R)
To Fabricate, Supply And Install Signages For Ministry Of Culture, Youth And Sports, Brunei Darussalam (Requotation)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 13 November 2025
Jam 2.00 Petang



Kenyataan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
22 / SEPT / 2025 / KKBS / PJK / 16.105 (R)
General Building Term Maintenance For A Period Of Twenty – Four (24) Months For Program Khidmat Bakti Negara Training Camp Building, Batu Apoi, Temburong (Retender)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa, 11 November 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

S01 / PASYSTEM / KKBS / BPK / UP
To Repair Four (4) Units Line Array Power Speaker, One (1) Unit Power Mixer And Two (2) Units Controller / Network

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
13 November 2025
Jam 2.00 Petang



Kenyataan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
27 / OCT / 2025 / KKBS / PJK / 16.105 / 2
Two (2) Years Term Maintenance Repair And Rerigging Works To Various Existing Training Facilities At Batang Duri Camp, Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) Temburong, Negara Brunei Darussalam

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
28 / OCT / 2025 / KKBS / PJK / 16.105 / 2
Three (3) Years Term Maintenance Repair To Multi Training Structures (MTS) And Personal Protective Equipment (PPE) At Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Camp, Batu Apoi Temburong, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
11 November 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERKDHIMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 078 / 2025

Tajuk:
Supply And Delivery Of Air Inlet Filter Cartridges For GTG9 And GTG10 At Lumut Power Station

Tarikh Tutup:
Selasa, 11 November 2025
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri Lobi Utama, Aras 1, Bangunan Jabatan Perdana Menteri Jalan Menteri Besar

Kelayakan:
Pembekal Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan

Kategori:
Syarikat Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Dalam Kategori P05 Dan Berdaftar Di Bawah Akta Syarikat - Syarikat - Penggal 39 Dan Memiliki Perakuan Penubuhan Syarikat Persendirian Yang Sah

Kelas:
-

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari **Kaunter Unit Tawaran, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Negara Brunei Darussalam.**



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Bilangan Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2025 / 0610

Tajuk Sebut Harga:
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Manama, Kingdom Of Bahrain

Bilangan Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2025 / 0710

Tajuk Sebut Harga:
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Abu Dhabi, United Arab Emirates

Bilangan Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2025 / 0810

Tajuk Sebut Harga:
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, New York, United States Of America

Bilangan Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2025 / 0910

Tajuk Sebut Harga:
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, London, United Kingdom

Bilangan Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2025 / 1010

Tajuk Sebut Harga:
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Geneva, Switzerland

Bilangan Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2025 / 1110

Tajuk Sebut Harga:
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Riyadh, Kingdom Of Saudi Arabia

Bilangan Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2025 / 1210

Tajuk Sebut Harga:
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Doha, Qatar

Bilangan Tawaran:
MFA / SEC / 009 / 2025

Tajuk Iklan Tawaran:
The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing, Training, Commissioning And Maintenance Of Internet Protocol Closed Circuit Television Surveillance System At Ministry Of Foreign Affairs

Yuran Iklan Tawaran:
BND35.00

Tarikh Akhir Membeli Dokumen Tawaran:
Khamis,
13 November 2025
sebelum jam 10.00 Pagi

Tarikh Tutup:
Selasa,
25 November 2025
Sebelum Jam 2.00 Petang



Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
5 November 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2025 / 0410

Tajuk Sebut Harga:
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Brussels, Belgium

Tarikh Tutup:
Rabu, 29 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
6 / OKTOBER / 2025 / PSB / PD.575
Membekal Perkhidmatan Pendigitalan Bahan Rekod Perpustakaan, Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Tarikh Tutup:
Khamis, 6 November 2025



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong (Kelas I & II Sahaja)

Bilangan Tawaran:
JMM / Q&T / JKSH / 2025 / 09

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract 12 Months For Minor Repair And Other Associated Works To Bangunan Dewan Majlis Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
13 November 2025

Tarikh Tutup:
Selasa,
18 November 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 18 / 2025

Tajuk Tawaran:
Upgrading Works To Existing Toilet At 1st Floor Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan Kuala Belait

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
28 Oktober 2025, Selasa.





**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

JBS / ADM / TDR / 13 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &
Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues

Pakej A - Stadium Negara
Hassanal Bolkiah Taman
Budiman, KSNHB (Taman Belia)

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

JBS / ADM / TDR / 14 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &
Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues

Pakej B - Padang & Balapan,
KSNHB Kompleks Sukan Berakas

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

JBS / ADM / TDR / 15 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &
Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues

Pakej C

a) Kolam Renang, KSNHB
b) Kolam Renang Anggerek Desa

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

JBS / ADM / TDR / 16 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &
Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues

Pakej D

a) Kompleks Sukan Menglait
b) Padang Ong Sum Ping
c) Padang Terunjing
d) Padang Sukan Serbaguna
Lambak Kanan

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

JBS / ADM / TDR / 17 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &
Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues

Pakej E

a) Pusat Belia, BSB
b) Kompleks Sukan Sungai Kebun

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

JBS / ADM / TDR / 18 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &
Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues

Pakej F

a) Dewan Serbaguna, KSNHB
b) Pusat Boling Padang
c) Pusat Petanque
d) Gelanggang Gasing

Bilangan dan Keterangan

Bilangan Tawaran:
JBS / ADM / TDR / 12 / 2025

Keterangan:
Request For Proposal To Finance,
Design, Build Manage, Operate
And Maintain A Sports Complex In
Kampung Lambak Kanan
(Retender)

Yuran Tawaran:

-

Tarikh Tutup:
23 Disember 2025

Tarikh Tutup:
Seperti yang dinyatakan dalam
keterangan

Jam:
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Cagaran:
Tiada Bayaran



Tawaran:

JBS / ADM / TDR / 19 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &
Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues

Pakej G

a) Gelanggang Tenis, KSNH
b) Stadium Tertutup, KSNHB
c) Kompleks Sukan Air Serasa

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

JBS / ADM / TDR / 20 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &
Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues

PAKEJ H

a) Pusat Stor, JBS (No: 80,
Spg 336-52, Block Unit 15 Banglo,
Jln Kebangsaan Lama)
b) Perkampungan Sukan, KSNHB
& Padang Kawad
c) Stadium Hoki, KSNHB
d) Pusat Skuasy, KSNHB

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

JBS / ADM / TDR / 21 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &
Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues

Pakej I

Kompleks Sukan Jerudong

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

JBS / ADM / TDR / 22 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(85) JBS / ADM / QC / 2025
Supply and Replacement of
Timber Wall Panels at Jerudong
Sports Complex

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(86) JBS / ADM / QC / 2025
Membekal dan Menghantar
Sesandang Tahniah (Body Sash)
untuk dikalungkan kepada
Pemenang Pingat yang Mengikuti
Kejohanan Serantau dan
Antarabangsa

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(87) JBS / ADM / QC / 2025
Kerja-Kerja Pembinaan Garaj di
Hadapan Bangunan Pentadbiran
Kompleks Sukan Menglait

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(88) JBS / ADM / QC / 2025
To Propose, Supply, Delivery,
Installation, Configuration, Testing,
Maintenance and Warranty of
Close Circuit Television (CCTV)
System at Menglait Sports
Complex

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup:
6 November 2025



Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues

Pakej J

(Cawangan Daerah Tutong)
a) Kompleks Sukan Tutong
b) Pusat Akuatik
c) Balapan Dan Padang
d) Pusat Belia

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

JBS / ADM / TDR / 23 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &
Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues

Pakej K

(Cawangan Daerah Belait)
a) Kompleks Sukan Mumong
b) Padang Arena, Setia
c) Ibu Pejabat
(Jalan Mualana, KB)
d) Pusat Belia & Dewan Riadah
(Gudang Beras)
e) Bangunan Persatuan-
Persatuan Sukan,
f) No: 148, Spg 24-30, Jln
Panglima

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

JBS / ADM / TDR / 24 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &
Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues



**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. **Lengkapkan Profil PSQR 2.0** (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. **Lengkapkan Kelulusan** (Reputasi / pangkat serta sajak / bidang kelulusan)
3. **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** (Reputasi dan pangkat serta sajak / bidang kelulusan)
4. **Tandakan "I" pada kotak semak "Jawatan Sekarang"** di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. **Lengkapkan Maklumat** (Jenis, pendidikan / pengalaman Perkhidmatan Awam / latihan latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipertingkatkan di dalam dan diluar)

1. **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.

2. **Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.**

673 7371961 | PSC.BN | query@psa.gov.bn

	JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1.	PENGURUS MESS TINGKAT II KEMENTERIAN PERTAHANAN D.4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2025/OCT/03/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	7(A)	01 NOVEMBER 2025
2.	PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU KANAN GRED II JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN ALAM SEKITAR KEMENTERIAN KESIHATAN M.15 EB.16 (BAHAGIAN II) 2025/OCT/03/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	01	38(B)	01 NOVEMBER 2025
3.	PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI KEMENTERIAN PERTAHANAN SUPERSCALE A/B/C (BAHAGIAN I) 2025/OCT/04/KPTH	SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM	01	38(A)	03 NOVEMBER 2025
4.	PEGAWAI PELAJARAN JABATAN PENGAJIAN ISLAM G.13 (BAHAGIAN II) 2025/OCT/02/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	12	7(A)	03 NOVEMBER 2025
5.	PENGAWAS KECIL KEMENTERIAN PEMBANGUNAN E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2025/OCT/04/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(A)	03 NOVEMBER 2025
6.	JURUUKUR BAHAN JABATAN ARRAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA B.2 / B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2025/OCT/05/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	7(A)	03 NOVEMBER 2025
7.	PEGAWAI BANDARAN JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN B.2 / B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2025/OCT/02/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	01	7(A)	03 NOVEMBER 2025
8.	TUKANG PELAN KANAN JABATAN TANAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2025/OCT/05/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(A)	05 NOVEMBER 2025
9.	PEKERJA AM TINGKAT I JABATAN MUFTI KERAJAAN JABATAN PERDANA MENTERI E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2025/OCT/04/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	05 NOVEMBER 2025

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSQR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN
KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG
DIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSQR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

**Pakej L
(Cawangan Daerah Temburong)**

a) Kompleks Sukan Temburong
b) Kolam Renang Temburong
c) Pusat Belia

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
Selasa
4 November 2025




**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Jawatan Kosong Sebagai
Penghulu Mukim Tingkat III - PMKK.4
(BND3,880 - BND4,240)

Bagi

Daerah Tutong

Mukim Rambai

Adalah dimaklumkan bahawa **Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri** dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Tutong untuk menghadapi pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai **Penghulu Mukim Rambai, Daerah Tutong.**

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

Bahagian Institusi Mukim dan Kampung Jabatan Daerah Tutong Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Khamis, 27 November 2025, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 4222491 Ext. 110 / 111 atau alamat e-mel kepada **imk.jdt@tutong.gov.bn**


**KEMENTERIAN
KEWANGAN DAN EKONOMI**

Rujukan Tawaran:
JPKK/LTK2526 / T02-FSS

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Perabot Pejabat Untuk Kegunaan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan

Tarikh Tutup / Jam:
28 Oktober 2025 - Selasa
(2.00 Petang)



Jawatan Kosong Sebagai

Ketua Kampung Tingkat I PMKK.3
(BND2,270 - BND4,240)

Atau

Ketua Kampung Tingkat II PMKK.2
(BND1,990 - BND2,970)

atau

Ketua Kampung Tingkat III PMKK.1
(BND1,280 - BND2,270)

bagi

Daerah Tutong

Kampung Merimbun, Mukim Rambai
Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 2, Mukim Telisai
Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 4, Mukim Telisai
Kampung Bukit Sulang, Menengah dan Panchong, Mukim Lamunin

Adalah dimaklumkan bahawa **Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri** dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kampung yang tersenarai di atas bagi untuk menghadapi pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai **Ketua-Ketua Kampung.**

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

Bahagian Institusi Mukim dan Kampung Jabatan Daerah Tutong Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Khamis, 27 November 2025, Jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +6734222491 Ext. 110 / 111 atau alamat E-mel kepada **imk.jdt@tutong.gov.bn**


**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 09 / 2025 - 2026 (R)

Tajuk Sebut Harga:
Rental Of Automatic Scenting Diffuser Machine For Minister's Room, Sumbangsaran Room, And Jaringan Meeting Room At Ministry Of Primary Resources And Tourism For Period Of 12 Months (R)

Tarikh Buka Sebut Harga:
20 Oktober 2025

Tarikh Tutup Sebut Harga:
6 November 2025
Khamis,
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian


**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025-2026 / 39 (R)

Tajuk Tawaran:
Storytelling Workshop For Tourist Guide - Brunei Heritage River Cruise Trail

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025 - 2026 / 52

Tajuk Tawaran:
To Print, Install Billboard Graphic Sticker, Strengthen And Maintaining Existing Structure Of The Billboard At Airport Flyover

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
6 November 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / JKSH / BTI / 06 / 2025 - 2026

Tajuk Sebut Harga:
The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing And Commissioning Of Network Infrastructure Upgrade For Site Offices Under Ministry Of Primary Resources And Tourism

Tarikh Tutup Sebut Harga:
27 November 2025,
Khamis,
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian


**JABATAN IMIGRESEN DAN
PENDAFTARAN KEBANGSAAN**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
IMMB / 15 / 2025
Tawaran Bagi Perkhidmatan Mesin Fotokopi Dan Lain-Lain Perkhidmatan Di Dalam Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Dan Pendaftaran Kebangsaan


Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
5 November 2025
Jam 2.00 Petang


**KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Data Entry Untuk Soal Selidik "Digital / Online Payments For Household Members Aged 15 Years And Above" Dan "Digital Literacy", Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi

Rujukan Tawaran:
MTIC / SNO / SH01-2025

Tarikh Tutup:


**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

JPt / TAW / 05 / 2025 - 2026 :
To Supply, Deliver, Install And Commission A Complete Package Of One (1) Unit Portable Handheld X-RAY Fluorescence (XRF) Analyzer With Benchtop Miller And Canopy Exhaust Ducting With Motor

(Yuran Tawaran: BND30.00 | Borang Tawaran: BND15.00)

Tarikh Tutup:
Selasa,
25 November 2025



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
IMMB / 16 / 2025
Tawaran Bagi Penyewaan Ruang Penjualan Makanan Dan Minuman (Kantin) Di Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Dan Pendaftaran Kebangsaan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
IMMB / 17 / 2025
Tawaran Bagi Penyewaan Ruang Penjualan Makanan Dan Minuman (Main Entrance) Di Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Dan Pendaftaran Kebangsaan

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 5 November 2025
Jam 2.00 Petang



Rabu,
5 November 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

JPi / 08 / 2024(R)
To Construct,
Supply, Delivery And Deploy
Complete Sets Of Artificial
Reefs("ARs") For The
Development Of Fishing
Grounds And Juveniles
Breeding Ground In Fishing Zone
1 To Zone 3, Brunei Darussalam
Fishery Limits

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
2 Disember 2025
Jam 2.00 Petang

Pemberitahuan Sebut Harga

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

IKAN / 78(Q) / 0040 / 2025
Supply, Delivery And Installation
Of Office Furniture For Fishery
Research Division Office /
Meeting Room

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

IKAN / 78(Q) / 0041 / 2025
To Supply And Delivery Pump And
Blower To Marine Biodiversity
Centre

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 13 November 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KAJIUCACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan
/ Pembekalan:**

**Two Years (2) Contract For
Inspection And Maintenance Of
Fire Alarm System For The
Headquarter Of Brunei
Darussalam Meteorological
Department**

Bilangan Sebut Harga:
JKBD / 2025 / SH-14 (R)

Tarikh Tutup:
Rabu, 12 November 2025
sebelum jam 9.00 Pagi



**JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Tajuk Tawaran:

Sebut Harga Bagi:

**Supply And Delivery Of UAV
Drone, Accessories And
Associated Software For
Fire Fighting Use
(RUJ: JBP / TSH / 42 /
2025-2026)**

**General Inspection Of Morita
Turntable Ladder BG 7020
(RUJ: JBP / TSH / 43 /
2025-2026)**

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis,
13 November 2025
1.50 Petang

Yuran Tawaran:
BND5.00



**UNIVERSITI TEKNOLOGI
BRUNEI**

Bilangan Tawaran:

UTB / TEND / 2025-2026 / EST /
01R

Keterangan:

Restoration Of The Addressable
Fire Alarm System
In Phase 3 Buildings
At Universiti Teknologi Brunei.

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran:**
BND30.00

[Bayaran yuran dokumen tawaran
adalah tidak boleh dikembalikan /
non-refundable]

Tarikh Tutup Dan Waktu:
28 Oktober 2025
[Tidak lewat jam 2.00 Petang]



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

KESALAHAN-KESALAHAN

DI BAWAH

AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja **memberikan maklumat yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan maklumat atau sijil-sijil** bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

**DENDA SEBANYAK
\$10,000
DAN PENJARA SELAMA
2 TAHUN**



**PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI
PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI
KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN
KENAIKAN-KENAIKAN PANGKAT)**

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik **telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.**

**DIKENAKAN TINDAKAN
TATATERTIB DAN BOLEH
DITAMATKAN PERKHIDMATAN
DENGAN SERTA-MERTA.**



**PERATURAN
PENGIKLANAN**

(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



IMBASAN MINGGUAN



SEBAHAGIAN graduan yang bakal menerima sijil Diploma Tahap 5 pada Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei (PB) Ke-11, Tahun 2025 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



PARA pelajar Tahun 6 dari Sekolah Antarabangsa Brunei semasa membuat lawatan ke Radio Televisyen Brunei. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

DELEGASI dari Pusat Pertukaran Belia Korea di bawah Program Jangkauan Belia Antarabangsa anjuran Agensi Kerja Belia (KYWA) mengadakan lawatan ke Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. - Foto : Siti Rokiah Abdullah.



ORANG ramai semasa mengunjungi Program Jerayawara Badudun Bersama Biskita anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei yang mengambil tempat di Dewan Seri Kenangan. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

WARGA Emas tidak ketinggalan menyertai cabaran berpasukan The Golden Amazing Race bersempena dengan Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas 2025. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

PEMBUKAAN Prison FitX Challenge 'Iron Will' sempena Ulang Tahun Ke-71 Penubuhan Jabatan Penjara yang diadakan di Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

SENTIASA BERSYUKUR, HARGAI PELUANG DIBERIKAN



AWANG Mohammad Firdaus bin Mohammed Salleh dan Awang Md. Danial Muzaffar bin Khairol Kamshar (atas kiri dan atas kanan).

KUALA LUMPUR, Sabtu, 25 Oktober. - Siapa pun kita dan di mana pun keberadaan kita selagi bergelar anak watan perlu bertanggungjawab untuk terus mengamalkan dan menghayati konsep Melayu Islam Beraja (MIB) sekali gus bersama berjuang menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Bagi golongan penuntut yang berada di luar negara juga tidak terkecuali menjadi generasi muda harapan negara untuk sentiasa mensyukuri dan menghargai serta tidak mempersia-siakan segala peluang yang diberikan dalam bidang pendidikan selama ini. Hal ini kerana merekalah juga sebagai generasi pelapis yang suatu hari nanti bakal dihasrat menjadi pemimpin dan memacu pertumbuhan sosioekonomi negara.

Sehubungan itu, berkesempatan berkongsi kepada Pelita Brunei, beberapa orang penuntut Negara Brunei Darussalam (NBD) di Malaysia terdahulu menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat ke Majlis Bersama Penuntut-penuntut serta Rakyat dan Penduduk NBD yang berada di Malaysia bertempat di Hyatt Regency, Kuala Lumpur, hari ini.

Salah seorang penuntut yang pada masa ini sedang menuntut di Taylor's University, Malaysia dalam jurusan BSc in Biotechnology (Honours), Dayang Iwana Razanah binti Haji Zakaria antaranya mengongsikan pandangan tulusnya khusus kepada warga tempatan yang ingin menyambung pembelajaran di luar negara seperti Malaysia adalah penting untuk sentiasa berpegang kepada falsafah MIB.

"Walaupun berada di luar negara, sama ada di Malaysia atau di negara-negara luar yang lain, kita mesti menjaga nama baik negara dengan mengamalkan nilai-nilai murni, nilai-nilai Islam, sentiasa beradab serta sentiasa menghormati orang lain. Dengan ilmu yang diperoleh itu nanti pastinya di harap akan dapat digunakan untuk berbakti kembali kepada negara bagi kita sama-sama mencapai Wawasan Brunei 2035 dan Matlamat Pembangunan Mampan," ujarnya.

Di samping itu, Awang Md. Danial Muzaffar bin Khairol Kamshar yang kini menuntut di Asia Pacific University Malaysia

dengan mengambil jurusan Bachelor of Computer Science Specialising in Artificial Intelligence juga mengungkapkan beberapa saranan kepada golongan pelajar NBD yang ingin melanjutkan pelajaran di luar negara bahawa seseorang itu perlu sentiasa membersihkan niat yang betul dalam meneruskan pembelajaran untuk menimba ilmu dan kemahiran yang boleh menyumbang secara bermakna kepada pembangunan NBD.

"Malaysia menawarkan persekitaran yang pelbagai dan dinamik di mana pelajar boleh belajar berdikari, disiplin dan pemahaman silang budaya (*cross-cultural understanding*). Pengalaman ini amat berharga dalam menyokong Wawasan Brunei 2035 dan Matlamat Pembangunan Mampan. Saya menggalakkan setiap pelajar untuk memanfaatkan peluang ini sepenuhnya, dan pulang ke tanah air bersedia untuk berkhidmat, berinovasi dan membantu membina sebuah negara yang progresif dan mampan," tekannya.

Salah seorang penuntut yang mengambil jurusan Doctor of Medicine di Universiti Kebangsaan Malaysia, Dayang Adriana Muzfirah binti Haji Roslan juga turut berkesempatan meluahkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di atas peluang meneruskan pengajian pendidikan ini.

"Bagi saya, ini bukan sekadar peluang tetapi amanah dan tanggungjawab yang kami percayai untuk menabur kembali dan menyumbang kepada negara kita melalui segala ilmu dan kemahiran berguna yang perolehi ini. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud '*sebaik-baik manusia adalah yang memberi manfaat kepada orang lain*' dan itulah yang sentiasa menjadi pegangan di hati saya.

"Sebagai seorang pelajar, saya cuba sedaya upaya untuk menimba seberapa banyak ilmu dan kemahiran supaya pada masa hadapan saya boleh menyumbang bersama ahli profesional penjagaan kesihatan NBD yang semakin berkembang dan menjadi sebahagian daripada pertumbuhan bukan sahaja dari segi bilangan tetapi dari segi kualiti. Selain itu, berusaha untuk mempromosikan kehidupan yang lebih sihat untuk mencapai salah satu Wawasan Brunei 2035," jelasnya.

Dalam pada itu, Dayang Adriana Muzfirah juga menaruh harapan agar dengan pengajian yang diterokainya pada masa ini secara tidak langsung dapat memberi inspirasi kepada orang lain untuk melihat peluang yang diberikan

LIM Yueh Theng dan Dayang Aina Laila Jahirah binti Julime (kiri sekali dan kiri).

Oleh : Nurdiyanah Rajami
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



DAYANG Adriana Muzfirah binti Haji Roslan dan Dayang Iwana Razanah binti Haji Zakaria semasa ditemu bual (atas kiri dan atas kanani).

bukan sahaja sebagai pencapaian peribadi, tetapi sebagai tanggungjawab bersama untuk bekerja ke arah masa depan negara kita.

Sementara salah seorang penuntut di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Awang Mohammad Firdaus bin Mohammed Salleh yang mengambil jurusan Bachelor of Fiqh and Usul Fiqh (Honours) antaranya mengutarakan dalam perkongsiannya bahawa sumbangan yang terbaik selepas dirinya menamatkan pengajian di Malaysia nanti adalah sumbangan dari segi ilmu pengetahuan, bagaimana kita mendidik anak-anak bangsa kita dan memastikan mereka sentiasa bersedia menghadapi cabaran yang akan datang, lebih-lebih lagi dalam kita meniti Wawasan Brunei 2035.

"Kita juga mesti bersedia dari pelbagai aspek bukan sahaja ilmu pengetahuan, malahan adab serta akhlak. Tambahan lagi, persediaan dari segi buah fikiran, macam mana kita sebagai pemuda-pemudi, belia-belua yang bakal memimpin negara bersiap siaga dalam memastikan negara kita NBD sentiasa maju dan sentiasa dijulung di persada antarabangsa," tekannya.

Kongsi seorang penuntut dalam jurusan Bachelor of Pharmacy (Honours) di Monash University Malaysia, Lim Yueh Theng pula berkata sebagai pelajar NBD yang sedang menuntut di Malaysia, dirinya percaya ramai di antara kita terus mencerminkan calak kebruneian walaupun berada dalam persekitaran yang berbeza. Ini kerana kita dibesarkan dengan nilai-nilai murni yang berteraskan falsafah kebangsaan NBD iaitu MIB.

Beliau juga menambah bahawa di sana mereka begitu memiliki semangat kemasyarakatan yang kuat dalam kalangan pelajar NBD di mana kebanyakan universiti di sini mempunyai komuniti NBD

masing-masing dan juga komuniti yang lebih besar Persatuan Pelajar Brunei di Malaysia atau ringkasnya PPBM.

"Melalui persatuan itu, kami terus menyokong antara satu sama lain, mengamalkan kerja berpasukan, dan cuba mencerminkan kebaikan dan rasa hormat bersama. Oleh itu, walaupun kita belajar, berkembang, dan berintegrasi ke dalam kehidupan pelajar di Malaysia, kita terus membawa calak kebruneian bersama kita melalui nilai, tingkah laku dan cara kita mewakili negara kita di luar negara," ujarnya.

Sementara itu, Dayang Aina Laila Jahirah binti Julime yang merupakan seorang penuntut di Taylor's University, Malaysia dalam Bachelor in Special Educational Needs juga berpeluang berkongsi pandangannya bahawa setiap orang NBD sudah sedia maklum dengan falsafah MIB, dan mereka khususnya para pelajar di Malaysia terus berusaha untuk mempraktikkan ketiga-tiga aspek ini dalam kehidupan seharian.

"Apa yang saya perhatikan, salah satu nilai yang paling jelas ialah semangat menuntut ilmu. Pelajar NBD bukan sahaja menekankan pelajaran akademik di universiti tetapi juga sentiasa berusaha menambah ilmu dari pelbagai sumber dan mengikuti isu-isu semasa. Sikap ingin tahu dan dahaga ilmu inilah yang sebenarnya mendorong ramai untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara, termasuk di Malaysia.

"Walaupun jauh dari tanah air, nilai ini terus membentuk calak kebruneian kami di sini. Kesimpulannya, calak kebruneian itu sudah sebatik dalam diri maka apa sahaja yang kami lakukan, sama ada dalam berbahasa, beradab dalam pergaulan, mahupun ketika menuntut ilmu, semuanya lahir secara semula jadi daripada nilai yang kami bawa sejak kecil lagi," tekannya di akhir perkongsian.



Pendaftaran bagi Peperiksaan PCKSA dibuka

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Oktober. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam (JPI) selaku Urus Setia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei (LPPUB) dengan kerjasama Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Progresif Sdn. Bhd., Imagine Sdn. Bhd. dan Mach Telecommunications Systems Sdn. Bhd. (MachTel) ingin memaklumkan bahawa pendaftaran bagi mendapatkan

keputusan Peperiksaan Pemilihan Calon ke Sekolah Arab (PCKSA) Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi akan mula dibuka.

Calon-calon peperiksaan, ibu bapa atau penjaga yang ingin melanggan perkhidmatan ini dikehendaki mendaftar terlebih dahulu melalui perkhidmatan SMS. Pendaftaran adalah percuma dan pelanggan boleh mula mendaftar mulai Isnin, 27 Oktober 2025, pukul 10.00 pagi.

Pendaftaran melalui

perkhidmatan SMS adalah dengan menaip KHEU (jarak) REG (jarak) NOMBOR PUSAT PEPERIKSAAN (jarak) NOMBOR INDEKS CALON dan hantar ke 8885555 bagi pelanggan DST, 38666 bagi pelanggan Progresif Sdn. Bhd. atau 39966 bagi pelanggan Imagine Sdn. Bhd.

Pendaftaran yang berjaya akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui SMS tanpa sebarang kos kepada pelanggan. Keputusan

peperiksaan SMS hanya akan dihantar kepada pelanggan yang berdaftar setelah keputusan peperiksaan dikeluarkan dengan dikenakan caj bayaran BND1 bagi setiap keputusan peperiksaan SMS yang diterima.

Sehubungan itu, dipohonkan kepada para pelanggan agar dapat memastikan talian telefon bimbit masing-masing mempunyai kredit yang mencukupi. Melalui perkhidmatan ini nanti, diharapkan akan dapat memudahkan para

calon, ibu bapa atau penjaga mengetahui keputusan peperiksaan PCKSA Tahun 1446H/2025M secara individu dengan lebih cepat dan tepat.

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai kaedah pendaftaran serta terma dan syarat bagi perkhidmatan ini, bolehlah menghubungi Mach Telecommunications System Sdn. Bhd. melalui nombor talian +673 8671355 atau e-mel ke kheuresults@machbrunei.com.

RKN12 melakar landskap pembangunan negara

SEBANYAK BND4 bilion telah diperuntukkan bagi pelaksanaan 305 buah projek dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN12), mulai daripada Tahun Kewangan 2024 / 2025 hingga Tahun Kewangan 2029 / 2030. Rangka kerja proses perancangan pembangunan negara adalah berasaskan Wawasan Brunei 2035, terutamanya bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk dan meningkatkan sosioekonomi Negara Brunei Darussalam yang berterusan. Fokus, objektif dan kluster-kluster RKN12 boleh diikuti dalam infografik berikut :

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Infografik : Meja Reka Kreatif, Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

RANCANGAN KEMAJUAN NEGARA KE-12 (2024 - 2029)

Visionary & Flagship Projects

Mempunyai ciri-ciri matlamat jangka panjang yang akan membantu generasi akan datang.

FOKUS

High Impact & Game Changer Projects

Mempunyai impak tinggi dan mendukung kepada sosioekonomi negara.

OBJEKTIF

RKN 12

Memastikan kemampuan fiskal

Memanfaatkan projek kerajaan dengan menggunakan pembiayaan alternatif atau secara Public-Private Partnership (PPP) dan menggunakan Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government-Linked Company - GLC), Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investment - FDI) dan sektor swasta, untuk menjana pendapatan kerajaan, pekerjaan, *value creation* dan *multiplier effect* kepada ekonomi. Di samping itu, mengurangkan liabiliti kerajaan serta hasil pendapatan kerajaan terutamanya dari sektor Non Oil & Gas.

Meningkatkan sekuriti (keselamatan) negara

Meningkatkan tahap sekuriti dan pertahanan negara dari ancaman-ancaman keselamatan seperti ancaman di sempadan, siber dan sebagainya.

Pembangunan Sosial & Kesejahteraan rakyat

Menyumbang kepada pembangunan sosial, kebajikan masyarakat dan meningkatkan taraf kehidupan rakyat dan penduduk.

Meningkatkan kemahiran & Kepakaran

Menyumbang kepada peningkatan tahap kemahiran, kepakaran dan keupayaan sumber manusia tempatan.

Transformasi digital

Menyumbang kepada peningkatan daya inovasi dan tahap produktiviti negara.

Meningkatkan pertumbuhan ekonomi

Menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Meningkatkan perdagangan antarabangsa

Meningkatkan aktiviti perdagangan khususnya dari segi eksport bukan minyak dan gas dan menarik Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investment - FDI).

Menyumbang kepada kelestarian alam sekitar

Projek-projek harus mengambil kira impak terhadap alam sekitar dan perubahan iklim.

KLUSTER-KLUSTER RKN KE-12

1. Mengukuhkan kemudahan akses pendidikan
2. Memantapkan pembangunan sumber manusia
3. Menyediakan prasarana untuk kesihatan yang baik
4. Mengukuhkan perkembangan syiar Islam
5. Meningkatkan penyediaan perumahan
6. Meningkatkan kualiti perkhidmatan awam
7. Mengukuhkan kelestarian alam sekitar
8. Memantapkan kecekapan sistem pengangkutan
9. Mengukuhkan keselamatan negara
10. Mengukuhkan sekuriti makanan
11. Memajukan industri pelancongan
12. Mengukuhkan pusat-pusat jaminan kualiti dan akreditasi
13. Mengukuhkan infrastruktur ICT

14. Pembangunan Industri
15. Menangani risiko bencana alam
16. Kemudahan awam untuk urusan melalui jalan darat
17. Menaik taraf dan meningkatkan kadar penyambungan sistem pembetungan dan menjaga kualiti air sungai-sungai
18. Simpanan gagasan
19. Menyediakan pembekalan air bersih
20. Kajian
21. Pelan induk
22. Menangani perubahan iklim
23. Elektrik

Pelaksanaan projek-projek di bawah RKN12 ini mencerminkan bahawa kepimpinan dan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang prihatin dan bijaksana dalam melakar landskap pembangunan negara yang pesat dan setanding dengan negara-negara di rantau ini dan di peringkat global.



Perkhidmatan kreativiti digital kian berkembang

Oleh : Norlia Md. Zain

Foto : Ihsan Otter Company

RUANGAN Industri Kotej kali ini mendekati usahawan belia yang berniaga dalam bidang kreatif digital iaitu Otter Company yang dijalankan oleh Awang Muhammad Syukri Rasidi dan Awang Arif Hamizan Salleh.

Otter Company ditubuhkan pada tahun 2016, ketika itu ia masih di peringkat awal dan diasaskan oleh Awang Muhammad Syukri Rasidi. Dua tahun selepas itu barulah Awang Arif Hamizan menyertai syarikat ini dan sehingga kini mereka berdua mengurus dan menjalankan keseluruhan operasi syarikat.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, syarikat ini fokus sepenuhnya untuk membangunkan jenama dan menambah nilai kepada industri kreatif tempatan.

Menurut Awang Arif Hamizan, beliau tidak pernah bekerja secara tetap selepas tamat pengajian. Sejak menamatkan pengajian pada tahun 2016, beliau terus aktif sebagai *freelancer* dan usahawan dalam bidang kreatif digital dan pengalaman inilah yang banyak membantu membentuk cara beliau mengurus projek dan klien.

Penubuhan syarikat ini datang daripada minat yang mendalam terhadap teknologi, seni visual, dan bisnes. Awang Arif Hamizan percaya gabungan kreativiti dan inovasi boleh membantu banyak jenama tempatan

berkembang dan itulah yang mendorong beliau untuk terus bersama Otter Company.

Otter Company menawarkan pelbagai perkhidmatan kreatif dan digital, termasuk video komersial dan animasi promosi; reka bentuk grafik dan identiti jenama (*branding*); pembangunan laman sesawang dan sistem digital dan pengurusan kandungan media sosial. Syarikat ini juga terlibat dalam projek-projek khas seperti video korporat dan kempen pemasaran digital.

Video komersial dan animasi promosi adalah perkhidmatan yang paling laris. Ini kerana kini, banyak syarikat sedar pentingnya kandungan visual profesional untuk menarik perhatian di media sosial.

Harga perkhidmatan pula bergantung kepada jenis dan skala projek dan syarikat ini juga sentiasa terbuka berbincang dengan klien supaya bajet mereka dapat dimanfaatkan sebaik mungkin.

Harga bagi perkhidmatan video komersial atau animasi adalah bermula dari BND1,000 ke atas; *graphic design* sekitar BND150 ke atas; laman sesawang atau sistem digital bermula dari BND500. Semua harga perkhidmatan ini adalah mengikut keperluan projek.

Awang Arif Hamizan bersyukur, atas hasil usaha ini banyak memberi pengalaman dan peluang baharu. Kini Otter Company mempunyai pelanggan tetap (*returning clients*) dan menjadi sumber pendapatan

utama beliau. Beliau dan rakannya juga menghargai akan kebebasan masa dan kreativiti dalam perniagaan ini yang mana mereka boleh mengurus projek mengikut nilai, gaya, dan matlamat mereka sendiri.

Otter Company juga bekerjasama dengan *freelancer* profesional dalam bidang tertentu seperti sinematografi, reka bentuk, dan animasi, bergantung pada keperluan projek.

Menurut Awang Arif Hamizan, dunia sekarang sangat memerlukan kandungan digital yang berkualiti dan kreatif. Dengan bisnes ini, beliau bukan sahaja boleh berkarya, tetapi juga membantu perniagaan lain tampil lebih yakin dan profesional.

Ditanya mengenai cabaran dalam perniagaan, beliau menyatakan cabaran terbesar ialah mendidik pasaran tempatan tentang nilai kerja kreatif. Ramai belum faham sepenuhnya proses di sebalik sebuah video atau animasi profesional. Tapi cabaran ini juga yang menjadikan beliau lebih tabah, belajar banyak hal teknikal dan cara berkomunikasi dengan pelbagai klien.

Selain itu untuk membuat penggambaran di sesebuah tempat seperti jabatan-jabatan kerajaan mahupun kawasan peribadi hendaklah dapatkan kebenaran terlebih dahulu. Mudah atau tidak, ia juga tertakluk kepada skop kerja setiap projek.

Menurut Awang Arif Hamizan, beliau banyak belajar secara *self-taught* iaitu melalui pengalaman, kursus dalam talian,

dan projek sebenar. Setiap projek adalah peluang untuk beliau bereksperimen dan memperbaiki mutu hasil kerja syarikat mereka.

Ditanya mengenai potensi industri kreatif di Negara Brunei Darussalam, beliau berpendapat ia lazimnya berkait rapat dengan trend dunia masa ini. Misalnya teknologi baharu Kecerdasan Buatan (AI), mereka yang berkecimpung dalam industri kreatif mesti mempelajarinya untuk meningkatkan kemahiran. Kerja kreatif ini diperlukan di mana pun jua.

"Paling *simple*, kitani liat orang bejual menggunakan *booth* di siring jalan. Orang sudah semakin memahami bagaimana membuat infografik yang minima dan tepat untuk pelanggan sekali pandang sahaja. Kemahiran kreatif itu sebahagian daripada kehidupan harian kita," ujarnya.

Harapan beliau agar dapat membawa filem animasi 3D Brunei seperti *series* kartun yang terkenal di negara jiran. Namun untuk mencapainya, ia perlu kepada kerjasama pihak kerajaan mahupun badan-badan berautoriti dan syarikat swasta untuk mencapai matlamatnya. Kerana ia memang akan menggunakan banyak pelaburan dalam industri ini.

"Selama kami menubuhkan syarikat ini, lebih 50 orang yang pernah kami didik menjadi *interns*. Di sana boleh nampak ramai orang muda-muda berpotensi dalam industri ini," katanya.



REPUBLIK RAKYAT CHINA LANCARKAN SATELIT BAHARU

XICHANG, 26 Okt. - Republik Rakyat China pada Ahad berjaya menghantar sebuah satelit baharu ke angkasa lepas dari Pusat Pelancaran Satelit Xichang di Wilayah Sichuan, barat daya negara itu.

Satelit Gaofen-14 02 telah dilancarkan pada pukul 11.55 pagi (Waktu Beijing) menggunakan

roket pembawa Long March-3B, dan berjaya memasuki orbit yang dirancang.

Satelit ini berkeupayaan memperoleh imejan stereo beresolusi tinggi secara global dengan cekap, sekali gus menyediakan sokongan maklumat geografi asas bagi pembangunan ekonomi negara dan pembinaan pertahanan negara.

Pelancaran ini menandakan misi penerbangan ke-603 bagi siri roket pembawa Long March. - ©XINHUA

SEBUAH roket pembawa Long March-3B yang membawa satelit Gaofen-14 02 dilihat berlepas dari Pusat Pelancaran Satelit Xichang di Wilayah Sichuan.

"Melissa" kini taufan kategori 3, ancam Jamaica

MOSCOW, 26 Okt. - Hurikan "Melissa" bertambah kuat dan kini menjadi taufan kategori 3 dan dijangka mengakibatkan banjir besar serta tanah runtuh di Jamaica, lapor Sputnik/RIA Novosti memetik Pusat Taufan Kebangsaan Amerika Syarikat (NOAA).

"Melissa ialah taufan kategori 3 berdasarkan Skala Angin Taufan Saffir-Simpson. Ia dijangka terus menguat dengan cepat dalam tempoh sehari atau lebih, sebelum mengalami turun naik dalam

kekuatannya.

"Melissa dijangka menjadi taufan kuat apabila melanda Jamaica awal minggu depan," menurut kemas kini terkini NOAA.

Kelajuan angin berterusan maksimum taufan itu meningkat kepada hampir 185 kilometer sejam dengan tiupan lebih kencang, menurut NOAA.

"...Banjir kilat dan tanah runtuh yang mengancam nyawa serta berskala besar dijangka berlaku di bahagian selatan Hispaniola dan Jamaica hingga

awal minggu depan," kata agensi itu.

Terdahulu, NOAA melaporkan bahawa ribut tropika "Melissa" telah meningkat kepada taufan kategori 1.

Kedutaan Rusia di Cuba turut memberi amaran kepada pelancong mengenai taufan itu yang dijangka melintasi timur Cuba pada 28 hingga 29 Okt.

Sementara itu, agensi perlindungan awam Haiti melaporkan sekurang-kurangnya tiga orang terbunuh dan seorang cedera akibat kesan ribut tropika "Melissa". - ©BERNAMA



Jepun berjaya lancar kapal angkasa kargo tanpa juruterbang ke ISS

TOKYO, 26 Okt. - Jepun berjaya melancarkan kapal angkasa kargo tanpa pemandu terbaharunya pada Ahad menggunakan roket pelancar H3 dari sebuah pusat angkasa di pulau barat daya negara itu bagi menghantar bekalan ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS), lapor Agensi Berita Kyodo.

Kapal angkasa HTV-X itu mempunyai kapasiti muatan maksimum sebanyak enam tan, iaitu 1.5 kali ganda lebih besar berbanding kapal angkasa terdahulu, Kounotori, yang pernah menghantar bekalan ke ISS sebanyak sembilan kali antara 2009 dan 2020, menurut Agensi Penerokaan Aeroangkasa Jepun (JAXA).

Kapal angkasa itu dijangka tiba di ISS pada Khamis ini dan akan kekal di situ selama enam bulan sebelum melakukan penerbangan orbit untuk menjalankan ujian demonstrasi teknologi selama tiga bulan.

Pelancaran di Pusat Angkasa Lepas Tanegashima, yang pada asalnya dijadualkan pada Selasa lepas, terpaksa ditangguhkan akibat cuaca buruk.

Dengan fungsi bekalan kuasa yang baharu ditambah, HTV-X kini mampu membawa sampel eksperimen yang perlu disimpan pada suhu rendah semasa penghantaran.

Dua penggalak tambahan turut dipasang pada roket H3, yang kini dilengkapi dengan dua enjin utama dan empat penggalak. Jepun menasaskan untuk memenuhi permintaan pelanggan pada masa depan dengan keupayaan membawa pelbagai satelit dalam satu roket yang dilancarkan. - ©BERNAMA

Muzium Louvre di Paris pindah sebahagian koleksi barang kemas

PARIS, 25 Okt. - Lima hari selepas kejadian rompakan berprofil tinggi di Muzium Louvre Paris, sebahagian daripada koleksi barang kemas berharga muzium itu dipindahkan ke Banque de France atas faktor keselamatan, lapor agensi berita Jerman dpa memetik laporan media tempatan pada Jumaat.

Menurut stesen radio RTL, barangan berkenaan dibawa dengan kawalan polis ke bilik kebal bank pusat Perancis berdekatan, dan maklumat itu turut disahkan oleh stesen televisyen BFMTV. Louvre telah dikosongkan dan ditutup pada pagi Ahad selepas empat pencuri bertopeng memecah masuk ke Galeri Apollo.

Mereka bertindak memecahkan dua bekas pameran dan melarikan lapan barangan kemas yang pernah dimiliki permaisuri dan maharani Republik Perancis dengan nilai dianggarkan 88 juta (US\$102 juta). Kejadian itu mencetuskan perdebatan tentang tahap keselamatan di muzium berkenaan.

Setakat ini, belum dapat dipastikan barangan mana yang dipindahkan. Mahkota permata di Galeri Apollo serta barangan kemas lain dilaporkan telah dipindahkan. Tiada petunjuk ditemukan mengenai suspek mahupun permata yang dicuri.

Menurut laporan RTL, barang kemas terbabit kini disimpan dalam bilik kebal berkeselamatan tinggi sedalam 26 meter di bawah tanah, lokasi yang turut menempatkan kira-kira 90 peratus simpanan emas Perancis.

Pemindahan seumpama ini dianggap luar biasa. Buku nota Leonardo da Vinci yang dianggarkan bernilai lebih 600 juta turut disimpan di bilik kebal sama sejak beberapa tahun lalu. - ©BERNAMA

7 maut dalam kemalangan jalan raya di Nepal

KATHMANDU, 25 Okt. - Tujuh orang terbunuh pada petang Jumaat apabila sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) terjatuh ke dalam gaung di barat Nepal, lapor Xinhua memetik kenyataan polis tempatan.

Menurut jurucakap polis daerah Rukum Barat, Hari Prasad Pun kenderaan yang membawa 17 penumpang itu terjatuh kira-kira 500 meter dari jalan, menyebabkan tujuh orang maut di tempat

kejadian.

Beliau memberitahu Xinhua bahawa 10 lagi mangsa cedera, termasuk empat dilaporkan berada dalam keadaan kritikal. - ©BERNAMA

Thailand siap sedia anjur Sukan SEA ke-33 dan Sukan Para ASEAN ke-13

BANGKOK, 25 Okt. - Menteri Pelancongan dan Sukan Thailand Arthakorn Sirilathayakorn mempengerusikan mesyuarat peringkat tinggi untuk menilai persiapan negara itu bagi penganjuran Sukan SEA ke-33 dan Sukan Para ASEAN ke-13, lapor Agensi Berita Vietnam (VNA).

Mesyuarat itu turut dihadiri pegawai kanan termasuk Setiausaha Tetap Natreeya Taweewong dan Gabenor Pihak Berkuasa Sukan Thailand Dr. Gongsak Yodmani yang membincangkan kemajuan logistik, kesediaan venue dan penyelarasan antara agensi.

Arthakorn memuji usaha proaktif semua pihak dan menegaskan kesediaan

kementerian untuk memastikan penganjuran kedua-dua acara sukan itu berjaya.

Beliau berkata temasya itu menjadi peluang bagi Thailand menonjolkan keupayaan sebagai peneraju sukan serantau serta menyemarakkan semangat kebangsaan melalui penganjuran yang gilang-gemilang.

Sukan SEA ke-33 dijadual berlangsung dari 9 hingga 20 Disember 2025 di Bangkok, Chon Buri dan Songkhla, manakala Sukan Para ASEAN ke-13 akan diadakan dari 20 hingga 26 Jan 2026 di Nakhon Ratchasima.

Majlis pembukaan dan penutup akan menampilkan tema kreatif - "ONE" bagi Sukan SEA dan "The United Heart of the Unstoppable"

bagi Sukan Para ASEAN - dengan aspek penyiaran ditingkatkan, publisiti serta kerjasama sektor swasta.

Kementerian juga mengintegrasikan promosi pelancongan melalui Jabatan Pelancongan dan Pihak Berkuasa Pelancongan Thailand untuk menaik taraf piawai venue, memperkukuh keselamatan dan aksesibiliti, serta menggalakkan penyertaan masyarakat yang lebih luas.

Inisiatif ini sejajar dengan dasar pelancongan sukan kerajaan yang bertujuan merancakkan ekonomi tempatan dan memperluas manfaat komuniti hasil penganjuran temasya berprestij itu. - ©BERNAMA

Majlis tandatangan konvensyen PBB menentang jenayah siber berlangsung di Hanoi

HANOI, 25 Okt. - Majlis menandatangani serta persidangan peringkat tinggi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Menentang Jenayah Siber, atau dikenali sebagai Konvensyen Hanoi berlangsung di Pusat Konvensyen Negara bertemakan "Countering Cybercrime - Sharing Responsibility - Securing Our Future".

Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Luong Cuong mempengerusikan majlis itu yang turut dihadiri Setiausaha Agung PBB Antonio Guterres serta wakil kanan daripada kira-kira 110 negara, agensi PBB, pertubuhan serantau, institusi

kewangan, pakar keselamatan siber dan undang-undang antarabangsa, lapor Agensi Berita Viet Nam (VNA).

Cuong dan Guterres dijadual menyampaikan ucapan pembukaan sebelum wakil daripada 60 negara mengambil bahagian dalam majlis menandatangani konvensyen yang dikendalikan oleh Pejabat Hal Ehwal Perundangan PBB.

Konvensyen yang digagaskan oleh PBB pada 2019, dibangunkan bagi memenuhi keperluan mendesak untuk mewujudkan rangka kerja undang-undang global dalam menangani cabaran keselamatan siber, keselamatan bukan tradisional,

perubahan iklim dan pembangunan mampan.

Selepas lima tahun rundingan, Perhimpunan Agung PBB (UNGA) menerima pakai konvensyen itu secara konsensus pada 24 Disember 2024.

Mengandungi sembilan bab dan 71 artikel, Konvensyen Hanoi menyediakan rangka kerja menyeluruh bagi mencegah dan memerangi jenayah siber sambil menegaskan prinsip hak asasi manusia.

Ia juga bertujuan memperkukuh kerjasama antarabangsa dan menyesuaikan instrumen undang-undang dengan keperluan era digital. - ©BERNAMA

LEBIH 1,000 SERTAI UBD RUBY RUN



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Hazri bin Haji Kifle hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan pelepasan para peserta larian dari Taman Mahkota Jubli Emas.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 26 Oktober. - Lebih 1,036 peserta Universiti Brunei Darussalam (UBD) Ruby Run membanjiri jalan-jalan di Bandar Seri Begawan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-40 UBD.

Dianjurkan bersama oleh UBD dan Imagine Sdn. Bhd. (Imagine), UBD Ruby Run menyaksikan penyertaan daripada pelajar dan kakitangan UBD, alumni, serta orang awam yang mendaftar untuk salah satu daripada tiga kategori iaitu larian santai sejauh 3 kilometer (km), larian kompetitif sejauh 5km untuk lelaki dan wanita, dan larian kompetitif sejauh 10km untuk lelaki dan wanita.

Hadir selaku tetamu kehormat, Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle, yang juga melepaskan para peserta larian dari Taman Mahkota Jubli Emas.

Pada acara tersebut, Pemangku Naib Presiden Perniagaan dan Kewangan, Imagine, Choo Gwo Liang, menyampaikan pingat dan hadiah kepada tiga peserta lelaki

teratas yang menamatkan larian kompetitif 5km.

Para pemenang terdiri dari Awang Mohammad Arif Zulkifli; Awang Kasyful Asymawi Haji Khairul Arifin; dan Awang Ahmad Zawawi Rasit, masing-masing memenangi wang tunai berjumlah BND300, BND200 dan BND100.

Sementara itu, tiga peserta perempuan teratas yang menamatkan larian kompetitif 5km ialah Dayang Liyana Zakaria; Dayang Rostini @ Nur Sajidah Haji Mohiedin; dan Dayang Norhamizah Ishak, masing-masing memenangi wang tunai berjumlah BND300, BND200 dan BND100.

Bagi kategori larian kompetitif 10km pula, pingat-pingat dan hadiah-hadiah disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Tiga peserta lelaki teratas yang menamatkan larian kompetitif 10km ialah Awang Md. Haqem Darwish, Awang Ruzaini Mahadi, dan Awang Abdullah Abbas Awang Abdullah; dan tiga peserta perempuan teratas yang menamatkan larian kompetitif 10km ialah Dayang Sandra Wong,

Dayang Aida Syazwana Izzati Shamsul, dan Dayang Amal Bazilah Karim.

Para pemenang masing-masing memenangi wang tunai berjumlah BND400, BND250 dan BND150.

Dalam semangat memberi kembali, sebahagian daripada keuntungan acara tersebut akan disumbangkan kepada Tabung Anak-anak Yatim Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), bagi menyokong kebajikan anak-anak yatim di negara ini.

UBD Ruby Run diadakan bukan sahaja untuk memperingati penubuhan universiti, tetapi juga untuk meraikan kesihatan, komuniti, dan belas kasihan.

Kejayaan UBD Ruby Run adalah hasil sumbangan daripada para penaja iaitu BIPO Service (B) Sdn. Bhd., Pad Motor Sdn. Bhd., Perusahaan Sinaran Gemilang, Superwater Marketing Sdn. Bhd., Nordinah Enterprise, UBD Treasure Cove, PMUBD, Cuckoo International (B) Sdn. Bhd., Vincici Brunei, Science Industrial Sdn. Bhd., Radisson Hotel, dan One Sports Sdn. Bhd. Selain itu, YouC1000 merupakan rakan hidrasi bagi acara tersebut.

Hari Sukan ASEAN 2025: Memupuk perpaduan masyarakat ASEAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hasif Matzin

>> Muka 24

Acara berkenaan juga menyaksikan beberapa pertunjukan permainan tradisional dari Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dari Daerah Temburong seperti Selipar Panjang dan Sugang serta pameran makanan tradisi dari negara-negara ASEAN dan Timor Leste.

Sebanyak empat pasukan menyertai perlawanan bola sepak enam orang sepasukan iaitu Pasukan KKBS, Pasukan KHELN, Pasukan Jabatan Daerah Temburong dan Pasukan ASEAN dan Timor Leste. Sementara tiga pasukan telah menyertai perlawanan bola jaring terdiri daripada Pasukan KKBS, Pasukan KHELN dan Pasukan Jabatan Daerah Temburong.

Acara diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah bagi perlawanan bola jaring, bola sepak, dan tarik kalat serta cabutan bertuah.

ASEAN ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 dan Hari Sukan ASEAN diraikan dengan tujuan untuk mengeratkan persahabatan dan memupuk perpaduan; persefahaman dan kerjasama dalam kalangan masyarakat ASEAN.

Hari Sukan ASEAN tersebut merupakan komitmen semua negara ahli ASEAN yang telah dipersetujui semasa Mesyuarat Menteri-menteri Sukan ASEAN sebagai salah satu program tahunan di bawah Pelan Kerja ASEAN dalam Sektor Sukan.

Acara berkenaan juga mencerminkan komitmen NBD kepada ASEAN melalui keamanan, keharmonian dan pembangunan komuniti yang inklusif melalui platform sukan dan budaya.

Orang ramai termasuk komuniti ASEAN di NBD telah memeriahkan sambutan Hari Sukan ASEAN pada tahun ini dengan semangat kesukuan, persefahaman budaya, dan perpaduan serantau. Hari Sukan ASEAN pada tahun ini merupakan kali keempat diadakan dan buat kali pertama diadakan di Daerah Temburong.



ANTARA aktiviti yang diadakan sempena Hari Sukan ASEAN 2025.



ANTARA aksi-aksi para pemain dalam saingan Liga Super Malaysia 2025 / 2026 di Stadium Sultan Ibrahim, Johor, Malaysia (atas kiri dan kanan).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Tangkap Layar RTBGo

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Oktober. - Johor Darul Ta'zim mencatatkan kemenangan besar setelah membenam DPMM FC dengan jaringan 10 - 0 dalam saingan Liga Super Malaysia 2025 /

2026 yang berlangsung di Stadium Sultan Ibrahim, Johor, Malaysia, malam tadi.

Perlawanan dimulakan dengan aksi seimbang, namun Johor Darul Ta'zim mula mencipta kelebihan

DPMM FC kekal berada di tangga ke-10

seawal minit ke-9 melalui jaringan Bergson Da Silva.

Johor Darul Ta'zim terus ligat menguasai permainan sekali gus memberi tekanan kepada DPMM FC menerusi sepakan penalti yang berjaya dihasilkan oleh Johor Darul Ta'zim melalui Bergson Da Silva pada minit ke-35.

Hanya seminit selepas itu, Bergson Da Silva berjaya mencipta hatrik menambahkan lagi kekecewaan DPMM FC. Menjelang akhir babak pertama, Johor Darul Ta'zim memanfaatkan masa tambahan dengan satu lagi gol dijaringkan Oscar Arribas menjadikan kedudukan 4 - 0 sebelum rehat.

Bersambung babak kedua, perlawanan tetap rancak, namun DPMM FC terpaksa akur dengan kekuatan Johor Darul Ta'zim setelah Manuel Hidalgo berjaya menggandakan jaringan pada minit ke-56.

Kesilapan pemain DPMM FC menyebabkan bola dijaringkan ke

gawang sendiri pada minit ke-65. Manakala empat gol masing-masing dijaringkan oleh Arif Aiman pada minit ke-68, Bergson Da Silva pada minit ke-73, Jairo Da Silva pada minit ke-81 dan Romel Morales pada minit ke-88.

Pada perlawanan seterusnya,

DPMM FC akan menentang Negeri Sembilan pada 2 November 2025 pada pukul 8.15 malam. Sementara itu, DPMM FC kekal berada di tangga ke-10 dengan kutipan empat mata dan tangga pertama dikuasai oleh Johor Darul Ta'zim dengan kutipan 24 mata.





ePaper Pelita Brunei



PRISON FITX CHALLENGE: IRON WILL LABUH TIRAI



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa menyempurnakan penyampaian hadiah kepada johan bagi kategori berpasukan untuk Kumpulan Campuran (kiri sekali). Manakala gambar kiri, sekitar acara berkenaan di Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Cocokim (40-44 tahun), Dayang Umaira (45-49 tahun) dan Dayang Cecilia Maksimo (50-54 tahun).

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan oleh Pemangku Pengarah Penjara, Awang Bahrin bin Mohammad Yassin.

Beliau antara lain menekankan kepentingan semangat ketahanan diri, disiplin serta kecergasan fizikal dalam kalangan pegawai dan kakitangan agensi-agensi keselamatan, khususnya warga Jabatan Penjara.

Selepas itu, para peserta turut menyertai sesi pemanasan badan (warm-up) dan ujian kecergasan distesen perlawanan sebagai simbolik penutup cabaran tiga hari tersebut.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

TUNGKU LINK, Ahad, 26 Oktober. - Jabatan Penjara menutup tirai acara Fitness Race 'Prison FitX Challenge: Iron Will' di Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam (UBD), sempena memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-71.

Acara tersebut telah berlangsung selama tiga hari,

bermula 24 hingga 26 Oktober 2025.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku tetamu kehormat majlis.

Awang Md. Zaim bin Haji Matussin dinobatkan sebagai juara kategori Individu Lelaki, manakala Dayang Noorhanisah

binti Haji Abd. Ghani menjuarai kategori Individu Perempuan.

Bagi kategori berpasukan, Pacer BN muncul juara Kumpulan Campuran, MS ABDB Team A menjuarai Kumpulan Lelaki dan Just Love Snacks dinobatkan juara Kumpulan Perempuan.

Kemenangan turut diraikan oleh peserta dari kategori Lelaki pelbagai peringkat umur iaitu Awang Ahmad Yazid bin Awang Hidup (Lelaki bawah 29 tahun),

Awang Muhammad Shahrul bin Meyasin (30-34 tahun), Awang Azmi Yahya (35-39 tahun), Awang Nordi (40-44 tahun), Awang Hafidz Naquiyuddin bin Lamat (45-49 tahun) dan Awang Sefli Ahar (50-54 tahun).

Bagi kategori Wanita pula, tempat teratas disandang oleh Dayang Tan Wan Ung (bawah 29 tahun), Dayang Izzati Azmansham (30-34 tahun), Dayang Rachael Lee (35-39 tahun), Dayang

Hari Sukan ASEAN 2025: Memupuk perpaduan masyarakat ASEAN



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa bergambar ramai pada acara Hari Sukan ASEAN 2025 yang diadakan di Kompleks Sukan Temburong.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hasif Matzin

TEMBURONG, Ahad, 26 Oktober. - Dengan bertemakan 'Sukan, Warisan dan Perpaduan' sempena Sambutan Hari ASEAN Ke-58 tahun, pagi tadi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN), Kedutaan-Kedutaan

Besar dan Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi Negara-negara ASEAN di Negara Brunei Darussalam (NBD), serta Jabatan Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menganjurkan Hari Sukan ASEAN 2025 di Kompleks Sukan Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan acara berkenaan ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang

Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Hadir sama ialah ketua-ketua perwakilan ASEAN dan Timor Leste di NBD; Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha-Setiausaha Tetap dari KHELN, KKBS dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan.

Acara dimulakan dengan bacaan doa, diikuti dengan perasmian oleh Yang Berhormat Menteri KKBS dan senamrobik,

diteruskan dengan acara walkaton beramai-ramai sejauh 1.2 kilometer.

Antara aktiviti yang turut diketengahkan pada Hari Sukan ASEAN berkenaan ialah perlawanan bola jaring, perlawanan bola sepak enam orang sepasukan dan tarik kalat terbuka lelaki.

>> Muka 23

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PERBANYAKKAN AMAL SOLEH, SENTIASA HIDUPKAN ZIKRULLAH DALAM DIRI